Merujuk kepada keputusan analisis menunjukkan nilai p adalah kurang daripada 0.05; $\chi^2(N = 300, df = 99) = 897.934, p < 0.05$. Ini memberi petunjuk awal bahawa model yang dihipotesis adalah tidak sepadan dengan data. Namun, nilai ketidaksepadanan ini boleh diabaikan jika sampel melebihi 200 (Hair *et al.*, 1996). Di samping itu, didapati indeks kesepadanan perbandingan *baseline* berada dalam julat yang diterima iaitu 0.9. Indeks kesepadanan perbandingan *baseline* merujuk kepada NFI, RFI, IFI, TLI dan CFI. Oleh sebab nilai 0.9 adalah menghampiri 1.0, sebarang penambahbaikan indeks kesepadanan untuk model yang dihipotesis adalah tidak substantif. Nilai RMSEA yang merupakan perwakilan kepada pengukuran *absolute fit* model yang dikaji menunjukkan kesepadanan apabila model pengukuran dari indeks RMSEA adalah 0.051 kerana berada antara 0.05 hingga 0.08 (Zainudin, 2015).

Jadual 2

Perbandingan Baseline

Model	NFI Delta1	RFI rho1	IFI Delta2	TLI rho2	CFI
Model <i>default</i>	.911	.878	.924	.895	.923
Model tepu	1.000		1.000		1.000
Model tidak bersandar	.000	.000	.000	.000	.000


Jadual 3
RMSEA

Model	RMSEA	LO 90	HI 90	PCLOSE
Model <i>default</i>	.051	.040	.063	.413
Model tidak bersandar	.233	.225	.242	.000

Jadual 4
Pemberat Regresi untuk Model Pengukuran

			Anggaran	S.E.	Nisbah Kritikal	P
PE1	<---	PE	1.000			
PE2	<---	PE	1.017	.031	32.612	***
PE3	<---	PE	.895	.034	26.069	***
B4	<---	BI	.995	.022	44.383	
B3	<---	BI	1.057	.020	52.748	***
B2	<---	BI	1.065	.021	50.166	***
B1	<---	BI	1.000			
PU4	<---	PU	.980	.027	36.660	***
PU3	<---	PU	1.119	.028	39.891	
PU2	<---	PU	1.104	.027	40.700	***
PU1	<---	PU	1.000			
PE4	<---	PE	.756	.031	23.997	***
A1	<---	A	.833	.028	29.435	***
A2	<---	A	.949	.028	34.096	***
A3	<---	A	1.013	.028	36.073	***
A4	<---	A	1.000			

CFA memperlengkapkan skala kebolehppercayaan dalam mengukur pembolehubah pendam yang spesifik. Rajah 3 menunjukkan model pengukuran yang diuji. Keputusan CFA menunjukkan nilai nisbah kritikal dalam regresi antara pembolehubah pendam PE dengan pembolehubah-pembolehubah boleh diperhatikan (PE1, PE2, PE3 dan PE4) adalah di luar lingkungan ± 1.96 . Oleh itu, keempat-empat pembolehubah boleh diperhatikan tersebut secara signifikan merupakan indikator bagi pembolehubah pendam PE pada aras signifikan, $p < 0.05$. Keputusan yang serupa diperolehi pada pembolehubah pendam A, dengan empat pembolehubah boleh diperhatikannya (A1, A2, A3 dan A4) yang juga berada di luar lingkungan ± 1.96 . Oleh yang demikian, keempat-empat pembolehubah boleh diperhatikan tersebut secara signifikan merupakan indikator bagi pembolehubah pendam A ($p < 0.05$). Pembolehubah pendam PU yang juga mempunyai empat pembolehubah boleh diperhatikan (PU1, PU2, PU3 dan PU4) juga berada di luar lingkungan ± 1.96 . Oleh itu, keempat-empat pembolehubah boleh diperhatikan tersebut secara signifikan ($p < 0.05$) merupakan indikator bagi pembolehubah PU. Manakala BI merupakan pembolehubah pendam yang mempunyai empat pembolehubah boleh diperhatikannya (B1, B2, B3 dan B4) yang berada di luar lingkungan ± 1.96 . Oleh itu, keempat-empat pembolehubah boleh diperhatikan tersebut secara signifikan ($p < 0.05$) merupakan indikator bagi pembolehubah BI.



Rajah 3. Model pengukuran (CFA) Penerimaan Pelajar

Jadual 5
Pemberat Regresi Piawai untuk Model Pengukuran

		Anggaran
PE1	<--- Tanggapan Kemudah Gunaan (PE)	.920
PE2	<--- Tanggapan Kemudah Gunaan (PE)	.961
PE3	<--- Tanggapan Kemudah Gunaan (PE)	.898
B4	<--- Niat Penggunaan (BI)	.967

			Anggaran
B3	<---	Niat Penggunaan (BI)	.988
B2	<---	Niat Penggunaan (BI)	.982
B1	<---	Niat Penggunaan (BI)	.961
PU4	<---	Tanggapan Manfaat Penggunaan (PU)	.954
PU3	<---	Tanggapan Manfaat Penggunaan (PU)	.970
PU2	<---	Tanggapan Manfaat Penggunaan (PU)	.973
PU1	<---	Tanggapan Manfaat Penggunaan (PU)	.945
PE4	<---	Tanggapan Kemudah Gunaan (PE)	.872
A1	<---	Sikap (A)	.911
A2	<---	Sikap (A)	.945
A3	<---	Sikap (A)	.957
A4	<---	Sikap (A)	.939

Korelasi berganda kuasa dua memberi maklumat tentang varian yang dijelaskan oleh 16 pembolehubah boleh diperhatikan. Keputusan menunjukkan julat peratus varians yang dijelaskan adalah daripada 0.806 atau 80.6 peratus (PE3) hingga 0.976 atau 97.6 peratus (B3).

Keputusan ini mengesahkan bahawa pembolehubah-pembolehubah pendam bagi model pengukuran secara signifikan diwakili oleh pembolehubah boleh diperhatikan masing-masing. Keputusan ujian nisbah kritikal menunjukkan bahawa pemberat regresi yang tidak diabaikan adalah signifikan ($CR > 1.96$, $p < 0.05$), dengan julat berat regresi yang diabaikan adalah daripada 0.872 hingga 0.988. Oleh yang demikian, ini menunjukkan 14 pembolehubah boleh diperhatikan merupakan indikator kepada model pengukuran yang terdiri daripada empat pembolehubah. Justeru, pengesahan model pengukuran akan menjadi asas untuk pengujian model struktural. Model Pengukuran yang terdiri daripada empat pembolehubah pendam bersama indikator-indikatornya akan diintegrasikan ke dalam model struktural untuk diuji.

Keputusan Analisis Model Struktural


Jadual 6

Ringkasan Parameter untuk Model Struktural

	Pemberat	Kovarian	Varian	Min	Pintasan	Jumlah
Ditetapkan	23	0	0	0	0	23
Dilabelkan	0	0	0	0	0	0
Tidak dilabelkan	17	0	20	0	16	53
Jumlah	40	0	20	0	16	76

Merujuk kepada analisis model struktural (Rajah 4), terdapat 53 parameter yang dianggarkan. Oleh yang demikian, untuk 53 parameter untuk dianggarkan, 17 pemberat regresi dan 20 varian. Hasilnya, *goodness* statistik kesepadanan Khi-kuasa dua dikira berdasarkan 99 darjah kebebasan (152-53). Merujuk kepada keputusan nilai p kurang daripada 0.05; $\chi^2(N = 300, df = 99) = 621.653$, $p < 0.05$, ini memberi petunjuk awal bahawa model adalah tidak sepadan dengan data. Walau bagaimanapun, didapati indeks kesepadanan perbandingan *baseline* berada dalam julat yang boleh diterima iaitu 0.9. Indeks kesepadanan boleh dirujuk kepada NFI, RFI, IFI, TLI dan CFI. Memandangkan nilai 0.9 adalah hampir kepada nilai 1.0, justeru, sebarang penambahbaikan kesepadanan untuk model dihipotesis adalah tidak substantif. Nilai RMSEA adalah 0.051. Nilai ini

boleh diterima kerana ia berada kurang daripada 0.08 (Bryne, 2001; Browne & Cudeck, 1993).



Rajah 4. Model Struktural Penerimaan Pelajar

Jadual 7
Perbandingan Baseline

Model	NFI Delta1	RFI rho1	IFI Delta2	TLI rho2	CFI
Model <i>default</i>	.915	.884	.928	.900	.927
Model tepu	1.000		1.000		1.000
Model tidak bersandar	.000	.000	.000	.000	.000

Jadual 8
RMSEA

Model	RMSEA	LO 90	HI 90	PCLOSE
Model <i>default</i>	.051	.040	.063	.413
Model tidak bersandar	.233	.225	.242	.000

Selain dari nilai p, nisbah kritikal juga boleh digunakan untuk menentukan sama ada wujud perhubungan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah pendam. Jadual 9 Pemberat Regresi Bukan Piawai menunjukkan bahawa nisbah kritikal untuk koefisien regresi antara pembolehubah pendam dengan indikator-indikator berkaitan

adalah signifikan (Nisbah Kritikal berada di pada atau luar ± 1.96 , $p \leq 0.05$). Bagi laluan struktural untuk model dihipotesis, didapati terdapat semua laluan struktural adalah signifikan (Nisbah Kritikal berada di pada atau luar ± 1.96 , $p \leq 0.05$) kecuali satu laluan yang tidak signifikan. Laluan yang tidak signifikan adalah laluan dari PU ke BI dengan pemberat regresi bukan piawai adalah 1.279.

Jadual 9
Pemberat Regresi Bukan Piawai untuk Model Struktural

			Anggaran	S.E.	Nisbah Kritikal	P
PU	<---	PE	.922	.051	18.162	***
A	<---	PE	.673	.073	9.195	***
A	<---	PU	.214	.063	3.400	***
B	<---	A	.867	.067	12.900	***
B	<---	PU	.071	.055	1.279	.201
PE1	<---	PE	1.000			
PE2	<---	PE	1.019	.040	25.383	***
PE4	<---	PE	.759	.040	18.959	***
A4	<---	A	1.000			
A3	<---	A	1.058	.040	26.133	***
A2	<---	A	.992	.040	24.883	***
A1	<---	A	.870	.040	21.701	***
PU1	<---	PU	1.000			
PU2	<---	PU	1.102	.033	33.198	
PU3	<---	PU	1.118	.034	32.648	***
PU4	<---	PU	.981	.032	30.210	***
B4	<---	B	1.000			
B3	<---	B	1.063	.025	42.574	***
B2	<---	B	1.072	.027	40.328	***
B1	<---	B	.976	.030	33.049	***
PE3	<---	PE	.897	.044	20.506	***

Jadual 10
Pemberat Regresi Piawai untuk Model Struktural

			Anggaran
PU	<---	PE	.853
A	<---	PE	.682
A	<---	PU	.234
B	<---	A	.825
B	<---	PU	.074
PE1	<---	PE	.881
PE2	<---	PE	.941
PE4	<---	PE	.821
A4	<---	A	.897
A3	<---	A	.927
A2	<---	A	.910

			Anggaran
A1	<---	A	.859
PU1	<---	PU	.923
PU2	<---	PU	.960
PU3	<---	PU	.956
PU4	<---	PU	.936
B4	<---	B	.946
B3	<---	B	.980
B2	<---	B	.971
B1	<---	B	.933
PE3	<---	PE	.853

Nisbah varian pembolehubah endogenus (pembolehubah bersandar) iaitu Sikap (A), Tanggapan Manfaat Penggunaan (PU) dan Niat Penggunaan (BI) yang dijelaskan oleh pembolehubah eksogenous (Tanggapan Kemudahan (PE)) boleh dinilai berdasarkan kepada Indeks Korelasi Berganda Kuasa Dua (Ho, 2006). Lebih tinggi nilai Korelasi Berganda Kuasa Dua, maka lebih tinggi kuasa penjelasan bagi model regresi. Justeru, ini akan membolehkan kuasa ramalan yang lebih baik. Satu pembolehubah eksogenous iaitu Tanggapan Kemudahan (PE) menjelaskan 0.728 atau 72.8 peratus varian Tanggapan Manfaat Penggunaan (PU), 0.793 atau 79.3 peratus varian Sikap (A) dan 0.786 atau 78.6 peratus varian Niat Penggunaan (BI).

Jadual 11
Korelasi Berganda Kuasa Dua untuk Model Struktural

	Anggaran
PU	.728
A	.793
B	.786
B1	.870
B2	.942
B3	.960
B4	.895
PU4	.876
PU3	.913
PU2	.921
PU1	.852
A1	.738
A2	.828
A3	.860
A4	.804
PE4	.674

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat lima kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan hipotesis kajian.

I. Tanggapan tentang kemudahan alat-alat Web 2.0 mempengaruhi sikap pelajar terhadap alat

Keputusan menunjukkan terdapat pengaruh tanggapan tentang kemudahan alat-alat Web 2.0 terhadap sikap pelajar terhadap alat. Semakin baik tanggapan terhadap kemudahan oleh seseorang pelajar, semakin baik sikap mereka terhadap penggunaan alat-alat Web 2.0. Berdasarkan Jadual 10, perubahan 1 unit tanggapan terhadap kemudahan akan memberi kesan kepada sikap sebanyak 68.2 peratus. Oleh yang demikian, faktor penting dalam perubahan sikap adalah penyediaan kemudahan gunaan alat-alat oleh institusi.

II. Tanggapan tentang kemudahan alat-alat Web 2.0 mempengaruhi tanggapan tentang manfaat

Berdasarkan kepada keputusan menunjukkan terdapat pengaruh tanggapan tentang kemudahan alat-alat Web 2.0 terhadap tanggapan tentang manfaat alat-alat tersebut. Semakin baik tanggapan terhadap kemudahan seseorang pelajar, semakin baik sikap mereka terhadap penerimaan alat-alat Web 2.0. Berdasarkan Jadual 10, perubahan 1 unit tanggapan terhadap kemudahan akan memberi kesan kepada tanggapan tentang manfaat alat-alat Web 2.0 sebanyak 85.3 peratus. Oleh yang demikian, faktor penting dalam perubahan tanggapan tentang manfaat alat-alat Web 2.0 adalah penyediaan kemudahan gunaan alat-alat oleh institusi pendidikan berkenaan.

III. Tanggapan tentang manfaat penggunaan mempengaruhi sikap pelajar terhadap penerimaan alat-alat Web 2.0

Berdasarkan kepada kajian ini juga menunjukkan terdapat pengaruh tanggapan tentang manfaat terhadap alat-alat Web 2.0 kepada sikap pelajar dalam penerimaan teknologi ini. Semakin baik tanggapan terhadap manfaat kegunaan alat, maka semakin baik sikap untuk menerima penggunaan alat-alat Web 2.0. Berdasarkan Pemberat Regresi Piawai untuk Model Struktural dalam Jadual 10, perubahan 1 unit tanggapan tentang manfaat penggunaan akan memberi kesan sedikit kepada sikap pelajar terhadap alat-alat Web 2.0 iaitu sebanyak 23.4 peratus.

IV. Sikap pelajar terhadap penerimaan alat-alat Web 2.0 mempengaruhi niat penggunaan mereka

Dapatan kajian menunjukkan terdapat pengaruh sikap pelajar terhadap niat penggunaan alat-alat Web 2.0. Semakin baik sikap terhadap penerimaan alat, maka semakin meningkat niat penggunaan alat-alat Web 2.0. Berdasarkan Pemberat Regresi Piawai untuk Model Struktural dalam Jadual 10, perubahan 1 unit sikap pelajar terhadap penerimaan alat-alat Web 2.0 akan meningkatkan niat penggunaan mereka sebanyak 82.5 peratus. Oleh yang demikian, faktor penting dalam perubahan niat penggunaan alat web 2.0 adalah menukar sikap yang lebih positif terhadap alat-alat Web 2.0 dalam pembelajaran.

V. Tanggapan Manfaat Penggunaan kurang mempengaruhi niat penggunaan alat-alat Web 2.0

Keputusan kajian menunjukkan pengaruh tanggapan manfaat penggunaan adalah kurang pengaruhnya terhadap niat penggunaan alat-alat Web 2.0. Pengaruh yang tidak signifikan menunjukkan bahawa pembolehubah tersebut tidak mempengaruhi niat pelajar untuk menggunakan alat-alat web 2.0.

KESIMPULAN

Hipotesis model struktural yang digunakan dalam kajian ini boleh diterima di mana ia menunjukkan bahawa model struktural yang dijana adalah bersesuaian dengan data. Semua dimensi yang membentuk konstruk adalah signifikan pada aras keertian 0.05. Kajian ini menunjukkan faktor penting dalam perubahan sikap adalah perubahan tanggapan kemudahan alat-alat Web 2.0 dan perubahan tanggapan tentang manfaat alat-alat Web 2.0. Oleh yang demikian, manipulasi ke atas tanggapan kemudahan dan tanggapan tentang manfaat akan membantu dalam perubahan sikap para pelajar dalam pelaksanaan kurikulum di IPG. Adalah menjadi tugas para pengajar untuk memberi perhatian ke atas tanggapan tersebut untuk memungkinkan penerimaan pelajar terhadap alat-alat Web 2.0 dalam pembelajaran. Dengan perubahan sikap secara langsung akan mengubah niat penggunaan alat-alat web 2.0 kepada yang lebih positif terhadap alat-alat Web 2.0 dalam pembelajaran.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Mat Dawi, Lee Siong Theam, Mohan Palaniandy & Jamilah Dolah. (2016). Penerimaan alat web 2.0 dalam pelaksanaan kurikulum program berasaskan pembelajaran abad ke-21 di Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi IPG Kampus Ipoh*. 2(1) 13-20.
- Bryne, B. M. (2001). *Structural equation modeling with amos: Basic Concept, application and programming*. Mahwah, NJ: Erlbaum
- Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, and User Acceptance of Information Technology. *MIS Quarterly*. 13(5), 319 – 339.
- Gorder, L. (2008). A study of teacher perceptions of instructional technology integration in the classroom. *Delta Pi Epsilon*, L(2), 63 – 73.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis (7th Ed)*. Englewood Cliffs, New Jersey:Prentice Hall.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2014). *Buku panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian*. Institut Pendidikan Guru Malaysia: Cyberjaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Park, S. W. (2013). The potential of web 2.0 tools to promote reading engagement in a general education course. *TechTrends*. 57(2), 46- 53.
- Pritchett, C. C., Wohleb, E. C., & Pritchett, C. G. (2013). Educators, perceived importance of web 2.0 technology applications. *TechTrends*. 57(2), 33-38.
- Roblyer, M.D., & Doering, A.H. (2013). *Integrating educational technology into teaching (6th ed.)*. New Jersey: Pearson.
- Solomon, G., & Schrum, L. (2007). *Web 2.0 new tools, new schools*. Eugene, OR: ISTE Book Publishing.
- Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). User acceptance of information technology towards a unified view. *MIS Quarterly*. 27(3), 425 – 478.
- Zainudin Awang. (2015). *SEM made simple: A gentle approach to learning structural equation modeling*. Kajang: Rich Publication Sdn. Bhd.

KESEDIAAN DAN KEPERLUAN PELAJAR DALAM PEMBANGUNAN m-KANDUNGAN SECARA APLIKASI MUDAH ALIH BAGI ELEMEN PENTAKSIRAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (m-KBAT)

**PAJUZI AWANG¹, NORAZAH MOHD NORDIN²,
MOHAMAD SIRI MUSLIMIN³**

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu,
pajuzi@ipgm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, drnmn@ukm.edu.my

³Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, msiri@siswa.ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangun kandungan mudah alih (m-Kandungan) secara aplikasi mudah alih (*mobile app*) bagi elemen pentaksiran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berasaskan strategi pembelajaran teradun (Blended Learning) di Institut Pendidikan Guru (IPG). Pembangunan dan kemajuan teknologi mobil pada hari ini telah memberi peluang kepada pendidik untuk menambahbaik sistem pendidikan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025). Pelan tersebut menggariskan sebelas anjakan dalam mentransformasi sistem pendidikan negara dan anjakan yang ketujuh ialah 'Memanfaatkan ICT Bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia'. Kemajuan teknologi telefon pintar yang berteraskan pelantar Android, iOS, Windows Phone dan Balckberry OS telah menjadikan alat komunikasi ini satu keperluan kepada pelajar di pusat pengajian tinggi. Pembangunan aplikasi mudah alih dilihat semakin bertambah dari semasa ke semasa dan tidak ketinggalan juga dalam bidang pendidikan. Justeru itu, satu kajian dijalankan untuk melihat tahap kesediaan dan keperluan pelajar di IPG dalam pembangunan m-Kandungan secara aplikasi mudah alih bagi elemen pentaksiran KBAT. Pemilihan sampel kajian menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Data kajian dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dalam mereka bentuk pembangunan aplikasi mudah alih elemen pentaksiran kemahiran berfikir aras tinggi (m-KBAT) yang lebih sistematik.

Kata Kunci: Kandungan Mudah Alih (m-Kandungan), Aplikasi Mudah Alih, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Strategi Blended Learning, Elemen Pentaksiran

ABSTRACT

This study aims to develop mobile content (m-Content) by mobile applications (mobile app) for higher order thinking skills (HOTS) assessment elements based on Blended Learning strategies in Teacher Training Institute (IPG). Today's development and advancement in mobile technology has provided opportunities for educators to improve the education system in line with the Malaysian Education Blueprint (PPPM) (2013-2025). The blueprint line out eleven shift in transforming the national education system and the 7th shift is 'Leverage ICT to Scale up Quality Learning Across Malaysia'. Advancement of smartphone technology based on the Android, iOS, Windows Phone and Blackberry OS platform has made this communication tool as a need for the students at higher education center. Mobile applications development is seen growing from time to time and as well as for education fields. Therefore, a study was conducted to find out the readiness and the needs of the IPG's students in the development of m-Content by mobile applications for HOTS assessment elements. Research's samples were selected by purposive sampling technique. The research data was analysed descriptively. The research findings can be used as guidelines in developing more systematic mobile applications for higher order thinking skills (HOTS) assessment elements (m-KBAT).

Keywords: Mobile Content (m-Content), Mobile Application, Higher Order Thinking Skills, Blended Learning Strategy, Assessment Elements

PENGENALAN

Pendidikan merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, dan menjadi pengupayaan perkembangan ekonomi keseluruhannya. Transformasi pendidikan negara yang sangat dinamik memerlukan tuntutan kesediaan guru untuk menjalankan tugas dengan berkesan. Guru perlu mempunyai nilai penyesuaian yang tinggi dalam menghadapi situasi sistem pendidikan hari ini, terutamanya aspek pendekatan pembelajaran pelajar yang memerlukan pendekatan dan strategi baru supaya setiap pelajar mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam pembelajaran abad ke-21. Guru perlu berusaha memahami dan menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi memastikan hasrat kerajaan dalam melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran bertaraf dunia, nilai moral yang tinggi serta berupaya bersaing dengan rakan sebaya dari negara lain (PPPM 2013-2025).

Kemajuan teknologi informasi dan komunikasi (*Information and Communication Technology, ICT*) di seluruh dunia menjadi penjana kepada pembentukan masyarakat berilmu dan bermaklumat. Menurut Peeraer dan Van Petegem (2009) kebanyakan negara membangun mengintegrasikan ICT sebagai komponen utama dalam reformasi pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) telah memberikan peruntukan yang besar kepada sekolah dan IPG bagi menyediakan prasarana ICT yang membolehkan pembelajaran berasaskan web dilaksanakan. Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) 2011-2015 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia, iaitu YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, teras keempat dalam RMKe-10 adalah membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Justeru itu, untuk membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia, kerajaan telah memperkukuhkan sistem pendidikan dan latihan bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke peringkat tinggi melalui transformasi sistem pendidikan negara. PPPM (2013-2025) telah menggariskan sebelas anjakan dalam mentransformasi sistem pendidikan negara dan anjakan yang ketujuh ialah 'Memanfaatkan ICT Bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia'. Pembelajaran secara elektronik (e-pembelajaran) atau pembelajaran berasaskan web kini menjadi semakin popular sebagai salah satu cara yang dapat membantu pelaksanaan proses PdP (Pollard & Hillage, 2001; Waddill, 2004). Pengenalan pembelajaran berasaskan aplikasi mudah alih atau lebih dikenali sebagai pembelajaran mobile atau m-pembelajaran dilihat semakin popular sekarang dan mampu menggantikan pembelajaran berasaskan web pada masa akan datang (Alif Nawi *et al.*, 2014).

M-pembelajaran merupakan satu kaedah pembelajaran yang menggunakan alat mudah alih dalam PdP (Yong & Shengnan, 2010). Perkembangan teknologi 3G dan 4G LTE juga mencetuskan pembangunan inovasi kepada sektor pendidikan di mana teknologi ini boleh dimanfaatkan untuk pembelajaran secara jarak jauh berasaskan web dan aplikasi mudah alih. Menurut Hayes, Joyce dan Pathak (2004), m-pembelajaran merujuk kepada penggunaan peranti mudah alih dalam PdP. Manakala ramai beranggapan bahawa m-pembelajaran adalah lanjutan kepada e-pembelajaran dan merupakan satu pendekatan baharu dalam e-pembelajaran (Caudill, 2007). Melalui penggunaan m-pembelajaran dalam dunia pendidikan hari ini, sesiapa sahaja dapat mengakses maklumat dari mana-mana sumber dan pada bila-bila masa. Kajian awal telah menunjukkan bahawa m-pembelajaran mempunyai potensi untuk meningkatkan interaksi pelajar dalam pembelajaran (Neyema *et al.*, 2012), menawarkan lebih banyak fleksibiliti dan akses yang lebih luas kepada bahan pembelajaran dan menggalakkan pembelajaran aktif (Aubusson *et al.*, 2009). Kemajuan

teknologi telefon pintar yang berteraskan pelantar Android, iOS, Windows Phone dan Balckberry OS telah menjadikan alat komunikasi ini satu keperluan kepada pelajar di pusat pengajian tinggi. Pembangunan aplikasi mudah alih dilihat semakin bertambah dari semasa ke semasa dan tidak ketinggalan juga dalam bidang pendidikan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengajaran kemahiran berfikir untuk menggalakkan pelajar menggunakan akal merupakan satu cabaran utama kepada guru untuk masa yang panjang dan terdapat permintaan yang berterusan untuk meningkatkan kemahiran berfikir pelajar dalam PdP. Guru perlu membina keupayaan pelajar dalam menganalisis, mensintesis dan menilai fakta-fakta dan maklumat, dan menggunakan kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan (Rajendran, 2008).

Berdasarkan kepada analisis dokumen yang dijalankan terhadap pencapaian guru pra perkhidmatan yang sedang mengikuti kursus di IPG Kampus Dato' Razali Ismail, didapati 60% daripada mereka sukar menyelesaikan masalah berkaitan aspek pentaksiran KBAT. Terdapat 30% soalan peperiksaan akhir adalah soalan yang menguji kemahiran guru pra perkhidmatan tentang aspek KBAT.

Menurut *Global Digital Citizen Foundation* (2015), KBAT merupakan salah satu kemahiran abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk membolehkan pelajar mampu bersaing dalam dunia akan datang. Pada masa kini, kemahiran berfikir hanya diajar melalui penggunaan modul dan buku rujukan sahaja di IPG. Justeru itu, perlu ada alternatif dalam mengaplikasikan kaedah dan strategi pengajaran yang bersesuaian untuk mengajar KBAT kepada pelajar.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan secara kajian tinjauan terhadap responden yang terlibat, iaitu guru pra perkhidmatan yang sedang mengikuti pengajian dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bagi mendapatkan maklumat tentang kesediaan dan keperluan pelajar dalam membangunkan m-Kandungan secara aplikasi mudah alih.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk membangun m-Kandungan secara aplikasi mudah alih bagi elemen pentaksiran KBAT berasaskan strategi pembelajaran teradun di IPG. Kajian ini juga akan mengenalpasti tahap kesediaan dan keperluan guru pra perkhidmatan dalam membangunkan m-Kandungan pentaksiran dalam Sains bagi elemen pentaksiran KBAT.

PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai dan memastikan objektif kajian tercapai, maka terdapat beberapa persoalan kajian dibangunkan sebagai panduan, iaitu:

- a. Apakah kesediaan guru pra perkhidmatan dalam pembangunan m-Kandungan pentaksiran dalam Sains bagi elemen pentaksiran KBAT?
- b. Apakah komponen yang diperlukan oleh guru pra perkhidmatan untuk membangunkan m-Kandungan pentaksiran dalam Sains bagi elemen pentaksiran KBAT?

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Chua (2011), hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian. Reka bentuk kajian adalah satu rancangan bagi melaksanakan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan kaedah kajian. Dalam metodologi kajian ini beberapa perkara yang dibincangkan adalah termasuk populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan dan analisis data.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada 100 orang guru pra perkhidmatan (40 orang lelaki dan 60 orang perempuan) yang sedang mengikuti PISMP di IPG Kampus Dato' Razali Ismail. Selain itu, 35 orang pelajar telah dipilih secara persampelan rawak daripada kalangan 135 pelajar untuk menjalankan kajian rintis. Menurut Chua (2011), prosedur persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Dalam kajian ini, sampel yang dipilih ialah sebanyak 74% daripada populasi pelajar semester 8 di IPG Kampus Dato' Razali Ismail.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan soal selidik yang direka bentuk bagi memenuhi objektif keseluruhan kajian. Soal selidik dalam kajian ini adalah pengadaptasian dan pengubahsuaian soal selidik daripada kajian yang dijalankan oleh Rashidah *et al.* (2011), Tamil Selvan (2014) dan Norhapizah (2016). Dalam kajian ini, soal selidik terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian A mengandungi maklumat demografi responden manakala bahagian B mengandungi 40 item mengenai keperluan komponen dalam pembangunan m-Kandungan secara aplikasi mudah alih.

Kajian Rintis, Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kajian rintis merupakan kajian sejarah kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan (Chua, 2011). Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kajian rintis yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat awal berhubung kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina. Item-item ini dalam soal selidik telah diuji bagi memastikan sama ada terdapat kekeliruan, kesukaran menjawab, ketidakjelasan, salah faham, dan lain-lain interpretasi yang tidak jelas. Sampel yang terlibat dalam ujian rintis ini terdiri daripada 35 orang pelajar (yang tidak terlibat dalam kajian ini). Analisis kebolehpercayaan instrumen kajian ini menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* 0.84. Nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.80 ini dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Chua, 2011). Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik, pensyarah pakar dan berpengalaman telah dirujuk untuk memberi maklum balas kepada kandungan soal selidik. Selain itu, beberapa pelajar juga diminta untuk menilai kesesuaian item tersebut dengan objektif kajian.

ANALISIS DATA

Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan statistik deskriptif bagi menjawab soalan-soalan kajian. Data daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan program *SPSS for Windows version 19.0* untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan bagi setiap soalan kajian. Data kajian diwakilkan dalam bentuk jadual dan rajah serta dibuat tafsiran umum. Manakala analisis data dibuat dengan membandingkan peratusan tertinggi dan terendah serta nilai skor min dan skor piawai bagi setiap soalan kajian.

Analisis Demografi Responden

Laporan analisis demografi responden ditunjukkan seperti dalam Jadual 1 hingga 4 digunakan bagi menjawab persoalan pertama iaitu:

Apakah kesediaan guru pra perkhidmatan dalam pembangunan m-Kandungan pentaksiran dalam sains bagi elemen pentaksiran KBAT?

Bilangan kekerapan (dalam nilai peratus) digunakan untuk membuat analisis demografi responden.

Jadual 1

Agihan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Nilai Peratus (%)
Lelaki	40	40
Perempuan	60	60

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden perempuan (60%, n=60) adalah lebih besar bilangan responden lelaki (40%, n=40). Ini disebabkan jumlah pelajar perempuan yang berada pada semester 8 adalah lebih besar berbanding dengan jumlah pelajar lelaki.

Jadual 2

Agihan Responden Mengikut Kursus Major

Major	Kekerapan	Nilai Peratus (%)
Sains	20	20
Matematik	15	15
TESL	20	20
Pengajian Islam	15	15
Pendidikan Jasmani	18	18
Pra Sekolah	12	12

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut kursus major mereka. Responden dalam major Sains dan TESL merupakan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini iaitu dengan kekerapan 20% (n=20). Manakala responden dalam major Pra Sekolah adalah paling sedikit terlibat dengan kajian ini, iaitu dengan kekerapan 12% (n=12). Ini disebabkan jumlah pengambilan pelajar mengikut major adalah berdasarkan agihan yang dibuat oleh bahagian pengambilan pelajar di IPG, KPM.

Jadual 3

Sistem Pengoperasian Telefon Mudah Alih Responden

Sistem Pengoperasian	Kekerapan	Nilai Peratus (%)
iOS	27	27
Android	70	70
Windows Phone	2	2
Blackberry OS	1	1

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 3, sistem pengoperasian yang paling banyak digunakan oleh responden ialah sistem pengoperasian Android dengan kekerapan 70% (n=70). Manakala sistem pengoperasian yang paling sedikit digunakan oleh responden ialah Blackberry OS, iaitu dengan kekerapan 1% (n=1) dan Windows Phone dengan kekerapan 2% (n=2). Daripada maklumat ini, jenis telefon mudah alih yang diminati dan digunakan oleh responden dapat dikenalpasti.

Jadual 4

Jenis Aplikasi Dalam Telefon Mudah Alih Yang Selalu Dimuat Turun Oleh Responden

Sistem Pengoperasian	Kekerapan	Nilai Peratus (%)	N
Permainan	90	90	100
Pendidikan	40	40	100
Penyimpanan Fail	35	35	100
Komunikasi	98	98	100
Lain-lain	30	30	100

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 4, aplikasi mudah alih yang selalu dimuat turun oleh responden ialah aplikasi komunikasi dengan kekerapan 98% (n=98). Diikuti dengan aplikasi permainan 90% (n=90), aplikasi pendidikan 40% (n=40), aplikasi penyimpanan fail 35% (n=35) dan lain-lain aplikasi 30% (n=30).

Jadual 5 hingga Jadual 8 digunakan bagi menjawab persoalan kedua, iaitu:

Apakah komponen yang diperlukan oleh guru pra perkhidmatan dalam pembangunan m-Kandungan pentaksiran dalam Sains bagi elemen pentaksiran KBAT?

Jadual 5

Hasil Maklum Balas Kesediaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Secara Atas Talian

No.	Soalan	Skor Min
	Keseluruhan	4.1
1	Menggunakan e-pembelajaran mengurangkan beban saya dalam pencarian maklumat	4.2
2	Saya sentiasa bersedia untuk menggunakan kaedah pengajaran atas talian	4.3
3	Saya boleh belajar mengikut kemampuan saya sendiri menggunakan e-pembelajaran	4.5
4	Saya mempunyai kemahiran menggunakan kaedah pembelajaran atas talian	3.8
5	Menggunakan e-pembelajaran meningkatkan kecekapan saya sebagai seorang pelajar	3.9
6	e-pembelajaran membolehkan saya mempelajari pelajaran dalam bentuk yang disesuaikan oleh gaya pembelajaran saya	4.3
7	Saya tidak menghadapi sebarang halangan untuk menggunakan pembelajaran atas talian	3.8
8	Institusi saya memberi peluang saya menggunakan e-pembelajaran	4.4
9	Saya sentiasa cuba untuk mendapatkan bahan pembelajaran secara atas talian	4.0
10	Saya sangat selesa dengan kaedah pembelajaran atas talian	4.1

Jadual 5 menunjukkan nilai skor min tahap persetujuan pelajar terhadap pembelajaran atas talian adalah tinggi dengan nilai skor min keseluruhan ialah 4.1. Didapati kebanyakan soalan yang diukur mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi kecuali kesediaan 4, 5 dan 7 di mana mempunyai skor min kurang daripada 4.0. Nilai skor min yang tinggi menunjukkan pelajar boleh belajar mengikut kemampuan sendiri dengan menggunakan e-pembelajaran (skor min 4.5). Justeru itu, pembangunan m-Kandungan perlu mengambil kira tahap kesediaan pelajar supaya bahan yang dibangunkan dapat digunakan oleh pelajar secara optimum.

Jadual 6

Hasil Maklum Balas Aspek Reka Bentuk Strategi Pembelajaran

No.	Soalan	Skor Min
	Keseluruhan	4.2
1	menyediakan aktiviti pembelajaran yang bersifat aktif	4.2
2	menyediakan aktiviti pembelajaran yang boleh membantu saya dalam memahami topik yang dipelajari	4.3
3	memberi peluang untuk menilai pencapaian diri sendiri dari semasa ke semasa	4.1
4	memberi peluang untuk melaksanakan perbincangan bersama rakan sekelas	4.4
5	menyediakan aktiviti pembelajaran yang membolehkan berkerjasama dengan rakan di dalam kumpulan	3.9
6	menyediakan kemudahan tambahan (butang <i>search</i> atau glosari) bagi pencarian maklumat tambahan	4.3
7	memberi kebebasan dalam memilih kaedah pembelajaran sendiri	4.2
8	menyediakan kemudahan untuk mengorganisasikan maklumat	4.5
9	menyediakan aktiviti pembelajaran yang mencabar pemikiran	4.3
10	menyediakan aktiviti pembelajaran yang menyerupai situasi sebenar	4.1

Jadual 6 menunjukkan nilai skor min tahap persetujuan pelajar terhadap aspek reka bentuk strategi pembelajaran secara aplikasi mudah alih. Secara keseluruhannya, pelajar menyatakan tahap persetujuan tinggi dengan nilai skor min keseluruhan ialah 4.2. Didapati kebanyakan soalan yang diukur mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi kecuali strategi pembelajaran 5 di mana mempunyai skor min kurang daripada 4.0. Nilai skor min yang paling tinggi aspek reka bentuk strategi pembelajaran ialah menyediakan kemudahan mengorganisasikan maklumat (skor min 4.5).

Jadual 7

Hasil Maklum Balas Aspek Reka Bentuk Antara Muka m-Kandungan

No.	Soalan	Skor Min
	Keseluruhan	4.2
1	mengaplikasikan reka bentuk skrin yang ringkas	4.2
2	menggunakan fon (jenis tulisan) yang mudah dibaca	3.9
3	menggunakan warna latar belakang yang terang seperti warna merah dan kuning	3.9
4	menggunakan imej sebenar (realistik) untuk menerangkan sesuatu konsep	4.2
5	menggunakan grafik yang menarik untuk menyampaikan kandungan kursus	4.4
6	menggunakan kandungan audio dengan berkesan dalam menyampaikan kandungan kursus	4.1
7	menggunakan kandungan video untuk menyampaikan kandungan kursus	4.0
8	menggunakan animasi untuk menyampaikan kandungan kursus	4.4
9	menyediakan sistem navigasi untuk meneroka m-Kandungan	4.3
10	menyediakan menu-menu atau butang bagi meneroka kandungan kursus	4.1

Jadual 7 menunjukkan nilai skor min tahap persetujuan pelajar terhadap aspek reka bentuk antara muka adalah tinggi dengan nilai skor min keseluruhan ialah 4.2. Didapati kebanyakan soalan yang diukur mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi kecuali antara muka 2 dan 3 yang mana mempunyai skor min kurang daripada 4.0. Nilai skor min yang tinggi menunjukkan pelajar bersetuju dengan elemen seperti audio, video, grafik, navigasi, animasi dan menu perlu disertakan dalam pembangunan m-Kandungan.

Jadual 8

Hasil Maklum Balas Aspek Reka Bentuk Interaksi m-Kandungan

No.	Soalan	Skor Min
	Keseluruhan	4.2
1	menggalakan pengguna memberi maklum balas	4.3
2	maklum balas dalam pelbagai bentuk (menaip jawapan, klik pilihan dan sebagainya)	4.4
3	menyediakan pautan (link) ke laman web yang berkaitan	3.9
4	kandungan kursus memberi tumpuan terhadap apa yang ingin dicapai dalam pembelajaran	4.2
5	menyediakan ruang forum atas talian	4.1
6	menyediakan lebih dari satu bentuk capaian maklumat	4.1
7	memudahkan untuk mencapai maklumat yang diperlukan	4.0
8	menyediakan kemudahan untuk pelajar berinteraksi dengan pensyarah	4.4
9	menyediakan panduan untuk pengguna menggunakan m-Kandungan	4.3
10	menyediakan kemudahan untuk memuat turun (<i>download</i>) bahan yang disediakan	4.5

Jadual 8 menunjukkan nilai skor min tahap persetujuan pelajar terhadap aspek reka bentuk interaksi m-Kandungan adalah tinggi dengan nilai skor min keseluruhan ialah 4.2. Didapati kebanyakan soalan yang diukur mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi kecuali interaksi 3 di mana mempunyai skor min kurang daripada 3.9 (tahap sederhana). Nilai skor min yang tinggi menunjukkan pelajar bersetuju supaya elemen reka bentuk interaksi seperti kemudahan memberi maklum balas, capaian maklumat, panduan pengguna dan kemudahan memuat turun bahan disertakan dalam pembangunan m-Kandungan pentaksiran dalam Sains bagi elemen pentaksiran KBAT secara aplikasi mudah alih (m-KBAT).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa pembangunan m-Kandungan (m-KBAT) secara aplikasi mudah alih merupakan satu trend pembelajaran terkini yang membolehkan semua bahan pembelajaran dicapai oleh pelajar melalui penggunaan telefon pintar. Penggunaan telefon pintar dan internet mampu mengubah cara pembelajaran pelajar (Mohamed Amin, 2016) yang selari dengan perkembangan teknologi pada masa kini. Negara kita mempunyai infrastruktur yang baik, kemudahan ICT setanding dengan negara-negara Asia maju lain seperti Korea dan Jepun. Penggunaan kemudahan Wi-Fi yang meluas sama ada di sekolah, institusi pengajian tinggi atau tempat awam membolehkan akses internet dicapai pada bila-bila masa. Ini membolehkan pelajar untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dengan peranti mudah alih, terutamanya telefon bimbit mereka, komputer dan *tablet* (Ahmad Sabri & Muhammad Nidzam, 2015).

Sebelum pembangunan m-Kandungan dilaksanakan, kajian keperluan perlu dijalankan terlebih dahulu supaya tahap kesediaan pelajar seperti penggunaan telefon pintar dan aplikasi yang sering dimuat turun oleh pelajar dapat dikenal pasti. Hasil kajian juga mendapati bahawa pelajar mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam menggunakan telefon pintar sebagai sumber untuk menjalankan aktiviti PdP pada masa akan datang. Melalui kajian yang telah dijalankan juga, komponen yang diperlukan oleh pelajar dalam pembangunan m-Kandungan (m-KBAT) secara aplikasi mudah alih dapat dikenal pasti. Secara keseluruhannya, pelajar menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dengan skor min keseluruhan melebihi 4.0 bagi aspek kesediaan pelajar dalam pembelajaran atas talian, reka bentuk strategi pembelajaran, reka bentuk antara muka dan

reka bentuk interaksi. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan persepsi positif di kalangan pelajar bagi pembangunan m-Kandungan secara aplikasi mudah alih pada masa akan datang. Mereka menunjukkan tindak balas yang positif dalam menggunakan peranti mudah alih mereka untuk belajar. Ini menjadikan pembelajaran pada masa akan datang lebih bersifat dinamik selari dengan PPPM (2013-2025) dan pembelajaran abad Ke-21.

KESIMPULAN

Pembangunan m-Kandungan melalui aplikasi mudah alih bagi tujuan pembelajaran di IPG masih lagi di peringkat awal. Pelbagai faktor perlu diambil kira dalam membangunkan m-Kandungan secara aplikasi mudah alih supaya aplikasi mudah alih yang dibangunkan dapat menepati hasil pembelajaran yang telah ditetapkan dalam Ringkasan Maklumat Kursus. Kemahiran pembangun aplikasi dan model yang sesuai dalam pembangunan aplikasi juga perlu diambil kira supaya aplikasi yang dibangunkan lebih efektif dan mampu menyokong pembelajaran teradun. Beberapa bahan dan aktiviti pembelajaran mestilah sesuai dengan pelajar dan penggunaan aplikasi Web 2.0 mampu menyokong aktiviti yang dilaksanakan dalam m-Kandungan secara aplikasi mudah alih. Pembangunan m-Kandungan melalui aplikasi mudah alih dapat memberi peluang kepada pensyarah untuk meningkatkan kualiti PdP mereka pada masa akan datang. Justeru itu, adalah disaran supaya semua IPG mengaplikasikan penggunaan aplikasi mudah alih sebagai salah satu alternatif kepada sistem pengurusan pembelajaran (*Learning Management System*) yang telah sedia ada pada masa kini.

RUJUKAN

- Ahmad Sobri & Muhammad Nidzam (2015). Perception and Readiness of Pre-service Teachers on Mobile Learning, *The International Journal on Open and Distance e-Learning (IJODEL)* Vol 1:41:53
- Alif Nawi, Ahmad Fkhrudin Mohamed Yusoff, Hafit Hidayah Ajmain & Mohamad Raffe Ghalil Abbas. (2014). Engaging student through ICT: strategies and challenges for using website in teaching and learning. *International Letters of Social and Humanistic Sciences*, 16(1): 49-56. <http://www.ilshs.pl/wp-content/uploads/2013/10/ILSHS-161-2014-49-56.pdf>
- Aubusson, P., Schucka, S & Burdenb, K. (2009). Mobile learning for teacher professional learning: Benefits, Obstacles and Issues. *Research in Learning Technology*, 17(3): 233-247. Retrieved from <http://www.researchinlearningtechnology.net/index.php/rlt/article/view/10879>
- Caudill, J. G. (2007). The growth of m-learning and the growth of mobile computing: Parallel developments. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 8(2). Retrieved from <http://www.irrodl.org/index.php/irrodl/article/view/348/873>
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill Education.
- Hayes, P., Joyce, D., & Pathak, P. (2004). Ubiquitous learning – An application of mobile technology in education. *World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications (EDMEDIA)*. Lugano.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2013-2025)*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my>.
- Mohamed Amin Embi (2016). *Pemikiran dan reka bentuk semula pengajaran dan pembelajaran abad ke-21*, UKM Bangi Selangor. Diperoleh dari <http://www.youblisher.com/p/1530964-Pemikiran-dan-Reka-Bentuk-Semula-Pengajaran-dan-Pembelajaran-Abad-ke-21/>
- Neyema, A., Ochoa, S. F., Pino, J. A. & Franco, R. D. (2012). A reusable structural design for mobile collaborative applications. *The Journal of Systems and Software*, 85: 511–524. Retrieved from <http://www.captura.uchile.cl/bitstream/handle/2250/16429/>
- Norhapizah Mohd Burhan (2016). *Pembangunan dan Penilaian Modul Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (e-CITAC) Berasaskan Strategi Blended Learning*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan UKM
- Pollard E. & Hillage J (2001). *Exploring e-learning* IES Report 37 (ERIC Document Reproduction Service No. ED452399)

- Peeraer J & Van Petegem P (2009). The Use of ICT in Teaching Practise in Teacher Education in Vietnam: Baseline Situation at the Start of 'The Year of Scientific Unpublished.Paper, University of Antwerp
- Rajendran, N.S. (2008). *Teaching and Acquiring Higher-Order Thinking Skills Theory and Practise*. Perak: Sultan Idris Education University Publisher.
- Rashidah Rahamat, Parilah M. Shah, Rosseni Din & Juhaida Abd Aziz. (2011). Students' Readiness and Perceptions Towards Using Mobile Technologies for Learning the English Language Literature Component. *The English Teacher Vol. XL*: 69-84.
- Tamil Selvan Subramaniam (2014). *Pembangunan dan penilaian perisian e-PBL Rec untuk pelajar kejuruteraan bagi Kursus Electrical Circuits*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan UKM
- Waddill D.D (2004). Action e-learning: The impact of action learning on the effectiveness of a management level web instruction course. *Dissertation Abstracts Intenational* .65 (03) (UMI No. 3126204)
- Yong, L. & Shengnan, H. (2010). Understanding the factors driving m-learning adoption: A literature review. *Campus-Wide Information Systems*. 27 (4): 210-226. Retrieved from <http://www.emeraldinsight.com/journals.htm?articleid=1881561>

MODEL PERBANDINGAN: MENJAWAB SOALAN PENAAKULAN PERKADARAN

NG YAN MEI¹, HU LAEY NEE²

Jabatan Matematik, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

¹yanmei_30@hotmail.com, ²huln1234@gmail.com

ABSTRAK

Kurikulum Matematik sekolah rendah di Malaysia telah mengalami satu perubahan sejak tahun 2011, terutamanya kurikulum Matematik Tahap II. Terdapat beberapa topik baharu telah ditambah dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Matematik Tahap II bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Topik Koordinat, Nisbah dan Kadaran, serta Kebolehjadian merupakan topik yang dipelajari oleh pelajar di Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 masing-masing di peringkat sekolah menengah telah mula diperkenalkan konsep asasnya kepada murid Tahap II di peringkat sekolah rendah. Melalui pengalaman mengajar dan perbincangan dengan guru-guru di sekolah, didapati kebanyakan guru sekolah rendah kurang terdedah dengan teknik pengajaran dan mengalami masalah semasa merancang dan mengajar topik baharu Nisbah dan Kadaran. Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid Tahun 5 menentukan sesuatu nilai berdasarkan nisbah 1:1 hingga 1:10 dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran termasuk soalan berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan menggunakan model perbandingan. Model perbandingan adalah salah satu jenis model dalam Model Bar yang terkenal dan dipraktikkan di sekolah-sekolah di Singapura. Penyelidikan tindakan ini dijalankan berpandukan model Stephen Kemmis. Responden kajian ini terdiri daripada tujuh orang murid dari sebuah sekolah di Miri, Sarawak. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan perubahan amalan pengajaran menggunakan model perbandingan dapat membantu responden menjawab soalan penaakulan perkadaran dengan baik serta meningkatkan minat dan keyakinan responden.

Kata kunci: model perbandingan, soalan penaakulan perkadaran

ABSTRACT

The curriculum of primary school Mathematics in Malaysia, especially Mathematics for Level II, has undergone a change since 2011. Several new topics have been added to the Standard Curriculum and Assessment Document (DSKP) Level II for the Primary School Standard Curriculum (KSSR). The basic concept of topics such as Coordinates, Ratio and Proportion and Probability which are learned by Form 2 and Form 4 students respectively in secondary school, are now first introduced to primary school students in Level II. Through teaching experience and discussions with teachers at the school, most primary school teachers are found less susceptible to teaching techniques and experience problems during planning and teaching the new topic Ratio and Proportion. This action research was conducted to assist Year 5 students to answer proportional reasoning question, including the Higher Order Thinking Skills (HOTS) questions of ratio 1:1 to 1:10 by using comparison model. Comparison model is one of the models in Bar Modelling which is famous and practiced in Singapore schools. This research was carried out according to Stephen Kemmis action research model. The respondents comprised of seven students from a school in Miri, Sarawak. Data collected by using observation, document analysis and interviews. The findings indicate changes practice using comparison model do help respondents in answering proportional reasoning questions and increase their interest and confidence.

Keywords: comparison model, proportional reasoning question

PENGENALAN

Pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) untuk memastikan murid alaf ini dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan untuk memenuhi keperluan semasa serta menghadapi cabaran abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Berbeza dengan KBSR, reka bentuk kurikulum KSSR adalah berasaskan enam tunjang dan berbentuk modular. Kandungan yang perlu dipelajari oleh murid Tahap II pula mempunyai perbezaan yang ketara dari segi penambahan bidang pembelajaran dan tajuk (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014a; Curriculum Development Centre, 2006).

Beberapa tajuk baharu seperti Koordinat, Nisbah dan Kadaran serta Kebolehjadian telah ditambah dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Matematik KSSR Tahap II. Tajuk-tajuk baharu ini adalah konsep yang akan dipelajari oleh pelajar peringkat sekolah menengah Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013) telah diawalkan kepada peringkat sekolah rendah. Penambahan tajuk-tajuk dalam DSKP Matematik KSSR ini jelas membuktikan keperluan murid dalam menguasai kemahiran ini dalam kehidupan seharian. Oleh itu, guru Matematik perlulah menggunakan amalan pengajaran yang sesuai untuk membimbing murid supaya mereka dapat menguasai topik baharu dengan berkesan.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Berdasarkan DSKP Matematik Tahun 5, murid perlu mempelajari kemahiran menentukan sesuatu nilai berdasarkan nisbah 1:1 hingga 1:10, 1:100 dan 1:1000 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014a). Walaupun murid dapat mengenal pasti dan menyebut nisbah dengan tepat, mereka tidak dapat menguasai kemahiran menjawab soalan penaakulan perkadaran yang memerlukan pemahaman murid. Keadaan ini telah dibuktikan bahawa

The concept of ratio is complex. It is normally introduced in the context of relationships between sets of numbers, rather than lengths or shapes - but this may make it more confusing for pupils who think more readily in pictures than in words and symbols.

(Clausen-May, 2005, p. 46).

Berdasarkan latihan yang diberikan, murid tidak menguasai kemahiran menjawab soalan penaakulan perkadaran. Kegagalan menjawab soalan penaakulan perkadaran yang rutin juga membebankan murid untuk menjawab soalan berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014b). Dapatan kajian oleh Cai dan Sun, 2002; Hart, 1994; Singh, 2000; Tourniaire dan Pulos, 1985 (seperti yang dinyatakan dalam Pittalis, Christou dan Papageorgiou, 2003) telah mendedahkan bahawa menyelesaikan soalan penaakulan perkadaran adalah tugas yang sangat sukar bagi kebanyakan murid.

Kepentingan membangunkan penaakulan perkadaran dalam kurikulum Matematik sekolah adalah diiktiraf di peringkat antarabangsa (Pittalis, Christou dan Papageorgiou, 2003). Namun, perkembangan penaakulan perkadaran adalah salah satu aspek yang paling mencabar pemikiran matematik pelajar. Tourniare dan Pulos (1985) juga menyatakan “*Several studies have shown that factors such as problem format, the particular numbers used in the problems, the problem context, and even the immediately preceding problem*


affect student performance on proportional reasoning problems”. Ini jelas menunjukkan prestasi murid dipengaruhi semasa menjawab soalan penaakulan perkadaran, terutamanya isu ketidakfahaman terhadap soalan. Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan kegagalan murid menjawab soalan penaakulan perkadaran.

爸爸在一块地里种了西瓜和黄梨，他用来种西瓜和黄梨的面积的比是 1:1。种西瓜的地面积是 33 m²，爸爸共有多大面积的地？
 (Ayah telah menanam tembikai dan nanas di sebidang tanah. Nisbah luas kawasan tanaman tembikai kepada luas kawasan tanaman nanas ialah 1:1. Luas kawasan tanaman tembikai ialah 33 m², berapakah jumlah luas tanah yang dimiliki oleh ayah?)

$$\begin{array}{r} 33 \\ +11 \\ \hline 44 \end{array} \quad \times$$

Rajah 1. Kegagalan menjawab soalan yang rutin

下图显示一个正方体和一个长方体。正方体的体积和长方体的体积的比是 1:5。这个长方体的高度是多少？
 (Rajah di bawah menunjukkan sebuah kubus dan sebuah kuboid. Nisbah isipadu kubus kepada isipadu kuboid ialah 1:5. Apakah tinggi bentuk kuboid?)



正方体 长方体
 1 : 5
 8cm³ 40cm³

$$\begin{array}{r} 2\text{cm} \\ \times 2\text{cm} \\ \hline 4\text{cm}^2 \\ \hline 4\text{cm}^2 \\ \times 2\text{cm} \\ \hline 8\text{cm}^3 \end{array} \quad \begin{array}{r} 8\text{cm}^3 \\ \times 5 \\ \hline 40\text{cm}^3 \end{array} \quad \times$$

Rajah 2. Kegagalan menjawab soalan yang berunsurkan KBAT


FOKUS KAJIAN

Hatfield, Edwards, Bitter dan Morrow (2008, p. 305) mengatakan “*The NCTM Principles and Standards (NCTM, 2000) states that students need to have problem situations that can be solved through proportional reasoning*”. Jadi, soalan-soalan nisbah dan kadaran kehidupan seharian dalam buku teks Matematik Tahun 5 adalah jenis soalan penaakulan perkadaran. Kennedy *et al.* (2008) menyatakan masalah umum yang dihadapi oleh kanak-kanak (termasuk orang dewasa) ialah mereka tidak memahami bahawa kadaran mewakili penaakulan mendarab dan bahagi, bukannya penambahan.


Model Bar yang juga dikenali sebagai *Bar Modelling*, *Model Drawing* atau *Thinking Blocks* yang merupakan satu kaedah sistematik untuk mewakili soalan penyelesaian masalah dan hubungan antara nombor dengan jelas (Emeny, 2014; Clark, n.d.; King, 2014). Model Bar terdiri daripada empat model utama yang mempunyai konsep

berbeza bagi operasi asas Matematik (Jackson, n.d.). Antara empat model utama dalam Model Bar adalah model bahagian dan seluruh (tambah dan tolak), model perbandingan (tambah dan tolak), model bahagian dan seluruh (darab dan bahagi), model perbandingan (darab dan bahagi).

Model Bar memberikan gambaran visualisasi mengenai masalah berayat dan seterusnya membantu murid memilih operasi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah (Clark, n.d.). Kajian penggunaan model perbandingan dalam menjawab soalan jenis penyelesaian masalah oleh Lau Siu Hee (2015) dan kajian daripada Wong Wan Ting (2015) mengenai pengaplikasian Model Bar dalam menyelesaikan soalan berunsurkan KBAT bagi topik Jisim telah menunjukkan keberkesanan penggunaan model perbandingan untuk membantu murid menguasai kemahiran menjawab dengan lebih baik. Dalam topik Nisbah dan Kadaran, model perbandingan (darab dan bahagi) dipilih bagi meningkatkan penguasaan dan minat murid Tahun 5 dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran. Rajah 3 menunjukkan konsep nisbah yang perlu dipelajari oleh murid semasa Tahun 5 manakala Rajah 4 menunjukkan model perbandingan yang telah diubah suai dan digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3. Konsep nisbah



Rajah 4. Model perbandingan

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif iaitu:

- (a) Membantu meningkatkan penguasaan murid Tahun 5 dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran berdasarkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 melalui model perbandingan.
- (b) Membantu meningkatkan minat dan keyakinan murid Tahun 5 terhadap soalan penaakulan perkadaran berdasarkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 menggunakan model perbandingan.

Kajian tindakan ini dilaksanakan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut, iaitu:

- (a) Adakah penguasaan murid Tahun 5 dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran berdasarkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 dapat ditingkatkan melalui model perbandingan?
- (b) Adakah minat dan keyakinan murid Tahun 5 terhadap soalan penaakulan perkadaran berdasarkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 dapat ditingkatkan menggunakan model perbandingan?

KUMPULAN SASARAN

Tujuh orang murid Tahun 5 telah dipilih berdasarkan prestasi menjawab 5 soalan penaakulan perkadaran yang melibatkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 dalam kelas. Tiga orang murid yang berpencapaian sederhana dan empat berprestasi lemah dari sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Miri, Sarawak dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Semua responden sudah menguasai operasi asas darab dan bahagi tetapi mengalami masalah menjawab soalan penaakulan perkadaran.

TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Kajian tindakan ini dilaksanakan sebanyak dua kitaran berdasarkan empat langkah utama Model Stephen Kemmis (1983), iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek dalam satu kitaran lengkap (Mok Soon Sang, 2010; Ting Leng Siong, Ahmad Sabry Othman dan Ting Hun Yong, 2013; Ho Ho Tong *et al.*, 2014). Dalam Kitaran 1 (K1), penggunaan model perbandingan seperti ditunjukkan dalam Rajah 5 dan Rajah 6 telah diperkenalkan kepada responden. Responden dibimbing untuk melakarkan bar segiempat untuk mewakili nisbah dan melabelkan bar dengan maklumat yang diberikan. Kemudian, carikan jawapan yang diinginkan berdasarkan soalan.

Sebuah kedai runcit telah menjual 30 biji telur itik. Nisbah bilangan telur itik kepada bilangan telur ayam yang dijual ialah 1:4. Berapa bijikah telur ayam yang dijual oleh kedai runcit itu?

Penyelesaian:

30

Itik

Ayam

Daripada bar, dikehendaki untuk mencari jumlah biji telur ayam yang dijual oleh kedai runcit.


Satu bar segiempat mewakili 30 biji, 4 bar mewakili $4 \times 30 = 120$.

	1
	3 0
×	4
	1 2 0

Rajah 5. Penyelesaian masalah rutin menggunakan model perbandingan

Jumlah manik merah dan manik hitam di dalam sebuah kotak ialah 900 biji. Nisbah bilangan manik merah kepada bilangan manik hitam ialah 1:4. Cari bilangan manik hitam di dalam kotak itu.

Penyelesaian:




Daripada gambar rajah, keseluruhannya terdapat lima bar segiempat yang mewakili 900 biji manik. Dikehendaki mencari jumlah biji manik hitam di dalam kotak. Jadi, carikan nilai bagi satu bar segiempat terlebih dahulu.

$900 \div 5 = 180$, satu bar segiempat tepat mewakili 180 biji. Jumlah manik hitam diwakili oleh empat bar segiempat. Maka, jumlah manik hitam ialah $4 \times 180 = 720$ biji.

$$\begin{array}{r} 180 \\ 5 \overline{) 900} \\ \underline{5} \\ 40 \\ \underline{40} \\ 0 \\ \underline{0} \\ 0 \end{array} \qquad \begin{array}{r} 3 \\ 180 \\ \times 4 \\ \hline 720 \end{array}$$

Rajah 6. Penyelesaian soalan yang berunsurkan KBAT

Refleksi daripada hasil kajian K1, didapati murid masih kurang menguasai pemindahan maklumat ke dalam bar. Disebabkan prestasi empat orang responden masih boleh dipertingkatkan lagi, pengubahsuaian amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui cara penyampaian telah dilakukan dan diteruskan ke Kitaran 2 (K2) seperti dalam Rajah 7. Dalam pelaksanaan kajian ini, senarai semak pemerhatian dan senarai semak temu bual digunakan secara individu bagi menilai penguasaan kemahiran serta minat dan keyakinan responden. Dua lembaran kerja dijawab oleh responden dalam K1 dan satu lembaran kerja diberikan dalam K2 bagi menilai penguasaan model perbandingan untuk menjawab soalan penaakulan perkadaran. Semua dapatan kajian telah dicatatkan dan direkodkan.



Rajah 7. Pengubahsuaian amalan PdP dalam Kitaran 2

DAPATAN DAN REFLEKSI

Kajian ini telah menggunakan tiga jenis instrumen untuk mengumpul data, iaitu lembaran kerja, senarai semak pemerhatian dan senarai semak temu bual. Hasil dapatan kajian telah dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Refleksi dapatan kajian dibincangkan mengikut subtajuk secara terperinci berdasarkan analisis dapatan kajian yang diperoleh.

Penguasaan Dalam Menjawab Soalan Penaakulan Perkadaran

Pencapaian responden dalam kemahiran menjawab soalan penaakulan perkadaran menggunakan model perbandingan dinilai melalui analisis lembaran kerja (LK) dalam Jadual 1 dan analisis senarai semak pemerhatian dalam Jadual 2. Jadual 3 menunjukkan analisis temu bual kajian. Melalui hasil analisis berkenaan, didapati semua responden menunjukkan peningkatan penguasaan dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran selepas perubahan amalan pengajaran menggunakan model perbandingan.

Jadual 1

Analisis Lembaran Kerja 1, 2 dan 3

Responden	Bilangan soalan betul (5 soalan)			Tafsiran
	Kitaran 1		Kitaran 2	
	LK1	LK2	LK3	
R1	4	5	-	Menguasai (K1)
R2	2	5	-	Menguasai (K1)
R3	2	3	5	Tidak Menguasai (K1) Menguasai (K2)
R4	3	5	-	Menguasai (K1)
R5	3	5	5	Menguasai (K1 dan K2)
R6	3	4	5	Menguasai (K1 dan K2)
R7	2	4	5	Menguasai (K1 dan K2)

Jadual 2

Analisis senarai semak pemerhatian

Bil.	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2	
		LK1		LK2		LK3	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Melakar model perbandingan mengikut nisbah	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7	-	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7	-	-	-
2.	Menggunakan operasi yang betul.	-	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7	R1, R2, R4, R5	R3, R6, R7	R3, R5, R6, R7	-
3.	Melakukan kecuaiian	R2, R3, R5, R6	R1, R4, R7	R3	R1, R2, R4, R5, R6, R7	-	R3, R5, R6, R7

Jadual 3

Analisis senarai semak temu bual

Kitaran 1			
Bil.	Soalan		Responden
1.	Adakah anda berasa bentuk segiempat susah	Ya	R6

	dilakar?	Tidak	R1, R2, R3, R4, R5, R7
2.	Dapatkah anda menjawab dengan betul?	Ya	R1, R2, R4,
		Tidak	R3, R5, R6, R7
3.	Sudahkah anda menguasai kaedah ini?	Ya	R1, R2, R4, R5
		Tidak	R3, R6, R7
Kitaran 2			
1.	Sudahkah anda menguasai kaedah ini?	Ya	R3, R5, R6, R7
		Tidak	-
2.	Adakah kaedah ini membantu anda memahami soalan berunsurkan KBAT?	Ya	R3, R5, R6, R7
		Tidak	-

Berdasarkan dapatan kajian, hasil analisis menunjukkan R1, R2 dan R4 berjaya menguasai model perbandingan untuk menjawab soalan penaakulan perkadaran dalam K1 kerana proses pembelajaran ketiga-tiga responden ini adalah seiring dengan perubahan amalan. R3 pula gagal menguasai model perbandingan dalam K1 kerana tidak memahami penggunaan model perbandingan dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran. R5, R6 dan R7 pula menunjukkan prestasi yang memuaskan tetapi penguasaan mereka masih boleh dipertingkatkan lagi. Jadi, pengubahsuaian amalan pengajaran telah dilakukan untuk mempertingkatkan prestasi empat orang responden, R3, R5, R6 dan R7 dalam K2.

1) 红纸和蓝纸比是 1:4。如果红纸的数量是 160 张，蓝纸有多少张？
(Nisbah bilangan kertas merah kepada bilangan kertas biru ialah 1:4. Jika bilangan kertas merah ialah 16 keping, terdapat berapa keping kertas biru?)

The handwritten solution shows a ratio table with '红' (red) and '蓝' (blue) in the first column, and '1' and '4' in the second column. Below '1' is '160' and below '4' is '1234'. To the right, a multiplication calculation shows 160 multiplied by 4, resulting in 640. The final answer is written as '答: 640 张'.

Rajah 8. Contoh penyelesaian daripada R1

2) 箱子里的青苹果的数量和红苹果的数量的比是 1:5。红苹果比青苹果多 120 个。计算一箱的苹果的数量。
(Nisbah bilangan epal hijau kepada bilangan epal merah dalam kotak ialah 1:5. Epal merah adalah lebih banyak 120 biji daripada epal hijau. Kirakan jumlah biji epal di dalam kotak.)

The handwritten solution shows a ratio table with '青' (green) and '红' (red) in the first column, and '1' and '5' in the second column. Below '1' is '30' and below '5' is '150'. To the right, a subtraction calculation shows 150 minus 30, resulting in 120. Below that, an addition calculation shows 120 plus 30, resulting in 180. The final answer is written as '答: 180 个苹果'.

Rajah 9. Contoh penyelesaian daripada R7

Penguasaan responden dapat dilihat melalui contoh-contoh penyelesaian soalan penaakulan perkadaran yang ditunjukkan dalam Rajah 8 dan Rajah 9. Hasil analisis daripada pemerhatian, temu bual dan lembaran kerja telah menunjukkan respon positif setelah tindakan penambahbaikan yang dilakukan dalam K2. Semua responden telah berjaya menguasai model perbandingan untuk menjawab soalan penaakulan perkadaran.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Lau Siu Hee (2015) dan Wong Wan Ting (2015).

Minat Dan Keyakinan Responden

Data yang berkaitan dengan minat dan keyakinan responden dikumpul menggunakan senarai semak pemerhatian dan senarai semak temu bual. Hasil analisis dapatan mengenai minat dan keyakinan responden adalah seperti dalam Jadual 4 dan Jadual 5. Hasil analisis menunjukkan peningkatan dalam minat dan keyakinan responden untuk menjawab soalan menggunakan model perbandingan.

Jadual 4

Analisis senarai semak pemerhatian

Bil.	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2	
		LK1		LK2		LK3	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Menumpukan perhatian	R1, R2, R3, R5, R7	R4, R6,	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7	-	R3, R5, R6, R7	-
2.	Bertanya soalan	R1, R2, R4, R5,	R3, R6, R7	R1, R2, R3, R4, R5, R6	R7	R3, R5, R6, R7	-
3.	Menunjukkan seronok atau yakin	R1, R2, R4, R5,	R3, R6, R7	R1, R2, R4, R5,	R3, R6, R7	R3, R5, R6, R7	-

Jadual 5

Analisis senarai semak temu bual

Bil.	Soalan	Kitaran 1		Kitaran 2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Adakah anda suka kaedah ini?	R1, R2, R4, R5, R7	R3, R6	R3, R5, R6, R7	-
2.	Adakah kaedah ini membosankan?	R6	R1, R2, R3, R4, R5, R7	-	R3, R5, R6, R7
3.	Adakah anda yakin menggunakan model perbandingan?	R1, R2, R4, R5, R6, R7	R3	R3, R5, R6, R7	-

Dalam K1, R1, R2 dan R4 berminat dan berkeyakinan untuk menjawab soalan penaakulan perkadaran selepas pendedahan model perbandingan dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran. Minat dan keyakinan R3, R5, R6 dan R7 dipertingkatkan lagi selepas pelaksanaan perubahan amalan dalam K2. Analisis data pemerhatian dan temu bual dalam Jadual 4 dan Jadual 5 menunjukkan perubahan positif dalam semua responden. Dalam K2, semua responden telah menunjukkan minat dan keyakinan setelah penambahbaikan amalan pengajaran dilaksanakan semasa menjawab soalan penaakulan perkadaran. Dapatan kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian daripada Lau Siu Hee (2015) dan Wong Wan Ting (2015).

PENUTUP

Perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan model perbandingan dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran menunjukkan kesan yang positif. Model

perbandingan wajar diterapkan dalam pengajaran untuk membolehkan murid menyusun maklumat dan menggambarkan soalan Matematik berayat dengan lebih jelas. Dengan ini, murid boleh menyelesaikan soalan penaakulan perkadaran dengan baik dan seterusnya meningkatkan minat dan keyakinan murid untuk mempelajari Matematik. Model perbandingan dan model bar yang lain juga boleh digunakan dalam pengajaran kemahiran-kemahiran yang lain seperti soalan penyelesaian masalah dan soalan operasi asas dalam Matematik.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Spesifikasi Kurikulum Matematik Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014a). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Lima*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014b). *Elemen KBAT dalam kurikulum*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Clark, A. (n.d.). *Singapore Math: A visual approach to word problems*. Retrieved from http://www.hmhc.com/~media/sites/home/education/global/pdf/white-papers/mathematics/elementary/math-infocus/mif_model_drawing_lr.pdf?la=en
- Clausen-May, T. (2005). *Teaching maths to pupils with different learning styles*. London: Paul Chapman Publishing.
- Curriculum Development Centre. (2006). *Integrated Curriculum for Primary Schools Curriculum Specifications Year 5 Mathematics*. Kuala Lumpur: Ministry of Education Malaysia.
- Emeny, W. (2014). *Bar modelling- a powerful visual approach for introducing number topics*. Retrieved from <http://www.greatmathsteachingideas.com/2014/12/26/bar-modelling-a-powerful-visual-approach-for-introducing-number-topics/>
- Hatfield M.M., Edwards, N. T., Bitter, G.G. & Morrow, J. (2008). *Mathematics methods for elementary and middle school teachers*. 6th ed. United States: John Wiley & Sons, Inc.
- Ho Ho Tong, Rahmah Murshidi, Gan We Ling, Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee Hou Yew, ... Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan teori dan amalan*. Sarawak: Jabatan Penyelidikan Dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Jackson, B. (n.d.). *Singapore math bar model strategy*. Retrieved from <http://www.thedailyriff.com/WordProblems.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Soalan lazim kurikulum standard sekolah rendah (KSSR)*. Diperoleh dari <http://www.moe.gov.my/my/soalan-lazim-view?id=146&>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Dokumen Standard Prestasi Matematik Tingkatan 2*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kennedy, L.M., Tipps, S & Johnson, A. (2008). *Guiding children's learning of mathematics*. 11th ed. United States: Thomson Wadsworth.
- King, C. (2014). *Thinking blocks model and solve word problems ratio and proportion word problems*. Retrieved from http://www.mathplayground.com/tb_ratios/thinking_blocks_ratios.html
- Lau Siu Hee. (2015). *Penggunaan kaedah model bar dalam membantu murid tahun enam meningkatkan kemahiran menjawab soalan penyelesaian masalah*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Pittalis, M, Christou, C, & Papageorgiou, E. (2003). Students' ability in solving proportional problems. *European Research In Mathematics Education III*. Diperoleh dari http://www.dm.unipi.it/~didattica/CERME3/proceedings/Groups/TG3/TG3_Pittalis_cerme3.pdf
- Ting Leng Siong, Ahmad Sabry Othman & Ting Hun Yong. (2013). *Penyelidikan tindakan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn Bhd.
- Tourniare, F. & Pulos, S. (1985). Proportional reasoning: a review of the literature. *Educational Studies in Mathematics*, 16, 181-204.
- Wong Wan Ting. (2015). *Integrasi soalan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran topik jisim*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

MASTERCAP

WONG LING JIE¹, SII TUONG SIENG², TIONG CHIONG YEW³,
ERNIE KHO SIAW NEE⁴, HU LAEY NEE⁵

Jabatan Matematik, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

¹pineapplejie@hotmail.com, ²sien1288zzz@hotmail.com, ³tcy9193@hotmail.com,
⁴erniekho@hotmail.com, ⁵huln1234@gmail.com

ABSTRAK

Kurikulum Standard Sekolah Rendah menekankan peluang dan pengalaman pembelajaran yang melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran Matematik. Keberkesanan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru bergantung kepada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu belajar yang dapat merangsang dan membantu murid dalam membentuk kefahaman tentang konsep Matematik. Kebiasaannya, kemahiran penambahan dan penolakan di sekolah diajar secara tradisional dan sifir-sifir diingat melalui hafalan. Kesannya, murid menghadapi masalah menyelesaikan operasi penambahan dan penolakan serta kekangan memahami konsep sifir. *MasterCap* merupakan satu bahan bantu belajar yang mampu membantu murid menguasai konsep Matematik secara visual dan konkrit, seterusnya merangsang minat murid terhadap pembelajaran Matematik. Murid-murid dapat mempelajari dan mengendalikan konsep Matematik secara *hands-on* dengan menggunakan *MasterCap* di dalam bilik darjah. Gabungan tiga penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk mengetahui kesan perubahan amalan PdP dengan menggunakan *MasterCap* terhadap penguasaan dan minat murid dalam kemahiran penambahan dan penolakan serta sifir 4, 6, 7 dan 8. Penyelidikan tindakan ini dijalankan berdasarkan Model Kurt Lewin atau Model Stephen Kemmis. Responden dipilih berdasarkan ujian diagnostik yang dijalankan dalam kalangan murid sekolah rendah di Miri, Sarawak. Analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual merupakan teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini. Data analisis dokumen dikumpul menggunakan set lembaran kerja serta dianalisis mengikut bilangan soalan yang dijawab betul. Data pemerhatian dikumpul menggunakan borang senarai semak berdasarkan reaksi responden dan dianalisis dengan mengira kekerapan "Ya" terhadap reaksi. Data temu bual dikumpul menggunakan borang temu bual berdasarkan maklum balas responden dan dianalisis secara transkripsi. Hasil dapatan bagi kajian ini menunjukkan bahawa perubahan amalan PdP menggunakan *MasterCap* dapat meningkatkan penguasaan dan minat responden terhadap ketiga-tiga kemahiran tersebut.

Kata Kunci: *MasterCap*, penambahan, penolakan, konsep sifir, bahan bantu belajar

ABSTRACT

Primary School Standard Curriculum emphasizes on the chance and learning experience which involves students actively in the learning of Mathematics. The efficiency of teaching and learning (TnL) practices depends on processing techniques and the use of teaching aids which can motivate and help students in forming understanding of Mathematics concept. Normally school always practices traditional method to teach addition and subtraction and ask students to memorize multiplication table. As a result, students were facing problems in solving addition and subtraction questions and yet they were unable to understand the concept of multiplication table. MasterCap is a teaching aid which may help students to reinforce Mathematics concept visually and concretely. Moreover, it may enhance students' interest in the learning of Mathematics. Students may learn and practice to handle Mathematics concept by using MasterCap in classroom. The combination of three action researches had been conducted to know the changes of practice in TnL by using MasterCap towards reinforcement and interest of addition and subtraction skills and multiplication tables 4, 6, 7 and 8 among the students. Action researches were implemented by using Kurt Lewin or Stephen Kemmis action research model as guidelines.

Students were selected from Chinese Primary School within Miri, Sarawak area as the respondents in these studies according to their works in diagnostic test. The ways to collect data which use in conduct the studies are observations, worksheet achievement and interview transcription. Data of document analysis was collected from worksheet sets and analyzed according to the number of questions answered correctly. Observation data was collected by using checklist according to respondents' reaction and analyzed by calculating the frequency of "Yes" to the reaction. Data of interview transcription was collected by using interview form based on feedback from respondents and analyzed in transcription. The findings have shown that the changes of TnL practice are able to improve achievements and reinforce the students' interests toward the three Mathematics skills by using MasterCap.


Keywords: MasterCap, addition, subtraction, concept of multiplication table, teaching aid

PENGENALAN

Penguasaan fakta asas ini seharusnya bermula sejak murid berada di tahap satu lagi. Terdapat empat fakta asas yang perlu dikuasai oleh murid iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi. Murid-murid tidak akan menguasai konsep-konsep lain yang terdapat dalam Matematik jika mereka belum menguasai keempat-empat operasi asas Matematik, iaitu Musa Sulaiman (2005), Sherman, Richardson dan Yard (2005) berpendapat bahan bantu mengajar boleh membantu murid menguasai kemahiran operasi asas. Seperti yang dikatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011, hlm.xix), "Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu belajar serta teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, inovatif, berkomunikasi, dan berinteraksi". Kurikulum Standard Sekolah Rendah menekankan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan bahan bantu belajar supaya dapat melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran Matematik.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kebiasaannya, kemahiran penambahan dan penolakan di sekolah diajar secara tradisional dan sifir-sifir diingat melalui hafalan. Kesannya, murid menghadapi masalah menyelesaikan operasi penambahan dan penolakan serta kekangan memahami konsep sifir. Murid yang tidak dapat menguasai konsep akan menganggap Matematik itu susah dan mereka akan kurang berminat untuk mempelajari Matematik. Masalah menguasai konsep-konsep harus diatasi dengan segera supaya tidak menjejaskan penguasaan murid terhadap topik lain dan minat murid untuk mempelajari Matematik. Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan kesilapan murid dalam membuat operasi penambahan, penolakan dan soalan sifir.



The image shows two columns of handwritten mathematical work. The left column contains two addition problems. The first is $213 + 178 = 381$, where the digits 1, 7, and 8 in the second number are circled in red. The second is $532 + 274 = 716$, where the digits 3, 2, 7, and 4 are circled in red. The right column shows a subtraction problem: $296 - 8 = 294$. Below this, the subtraction is written vertically as $296 - 8 = 294$, with the digits 9, 6, and 8 circled in red.

Rajah 1. Kesilapan murid tidak melakukan pengumpulan semula bagi operasi penambahan dan penolakan

$$900 - 179 = 879$$

$$\begin{array}{r} 900 \\ - 179 \\ \hline 879 \end{array}$$

Rajah 2. Kesilapan murid terus menulis nombor yang ditolak sebagai jawapan

$7 \times 7 = 46$	$7 \times 8 = 54$	$7 \times 9 = 62$	7×1
$8 \times 7 = 64$	$8 \times 8 = 64$	$8 \times 9 = 74$	$8 \times$
$9 \times 7 = 68$	$9 \times 8 = 74$	$9 \times 9 = 81$	$9 \times$

Rajah 3. Kesilapan murid yang belum memahami konsep sifir

Semasa Praktikum Fasa 3, pengkaji telah mengambil peluang untuk membantu murid-murid yang menghadapi tiga masalah tersebut supaya meningkatkan kemahiran dan minat murid-murid terhadap pembelajaran topik penambahan, penolakan serta sifir 4, 6, 7 dan 8. Maka, bahan manipulatif yang bernama *MasterCap* seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 diperkenalkan dalam kajian ini.



Rajah 4. Bahan manipulatif *MasterCap*

FOKUS KAJIAN

Fokus utama gabungan kajian ini ialah meningkatkan penguasaan dan minat murid terhadap kemahiran penambahan dan penolakan pengumpulan semula serta konsep sifir 4, 6, 7 dan 8 dengan berbantuan *MasterCap*. Pengkaji memperkenalkan bahan bantu belajar, iaitu *MasterCap* yang dapat memberi pengalaman pembelajaran yang konkrit kepada murid. Mengikut Jean Piaget (1954), dalam Peringkat Operasi Konkrit, murid-murid menyelesaikan satu-satu masalah yang melibatkan peristiwa atau objek yang konkrit. Kanak-kanak pada tahap ini sukar untuk berfikir tentang konsep-konsep abstrak. Jadi, bahan konkrit *MasterCap* dipilih untuk murid-murid mempelajari dan mengendalikan konsep-konsep Matematik.

Murid-murid juga perlu mengendalikan konsep Matematik secara visualisasi semasa PdP dalam bilik darjah. Menurut Hyerle (2009, p. 2), “*Most important, the brain is also dominantly visual as most brain researchers believe that we receive around 70% of information from our environment through our eyes*”. Weiss (2006) juga menyatakan bahawa bahan manipulatif membantu murid-murid membina imej mental yang lebih jelas untuk memahami idea-idea dan konsep-konsep Matematik. Jadi, *MasterCap* yang mampu memberi pengalaman visualisasi dan manipulatif (*hands on*) kepada murid semasa pembelajaran Matematik sesuai digunakan dalam kajian ini.

Bahan bantu belajar yang berwarna-warni sesuai digunakan untuk pengajaran konsep Matematik dengan lebih jelas. Menurut kajian lepas Ling Leh Ping (2015) dan Lai Hui Fah (2015), pembelajaran dengan bahan bantu belajar terdiri daripada warna-warna yang mewakili nilai tempat telah meningkatkan penguasaan konsep penolakan serta menarik minat murid. Oleh itu, *MasterCap* yang berwarna-warni digunakan untuk pengajaran konsep supaya membantu murid yang menghadapi masalah pembelajaran kemahiran tertentu. Menurut Yusop Haji Malie dan Anisah Alias (2010), penggunaan bahan bantu mengajar dapat menimbulkan rangsangan keinginan murid untuk mengetahui sesuatu dan untuk menjadikan pembelajaran baik dan lebih menarik. Menurut lagi Durmus dan Karakirik (2006) yang dipetik daripada Drapper (2009), bahan manipulatif sememangnya boleh menfokuskan minat, perhatian, menguatkan motivasi murid dan membimbing murid dalam proses PdP. Di samping itu, tinjauan literatur yang terdapat dalam kajian Siti Nur Aqida Rosli (2013) dan Noor Norma Haji Hassan (2004) telah menunjukkan kejayaan mempertingkatkan penguasaan dan minat murid terhadap pendaraban adalah melalui bahan bantu mengajar. Dengan ini, *MasterCap* digunakan untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menyelesaikan operasi penambahan, penolakan dan menguasai konsep sifir 4, 6, 7 dan 8 serta memupuk minat murid terhadap pembelajaran Matematik.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu:

- a. Membantu murid meningkatkan penguasaan dalam kemahiran penambahan dan penolakan yang melibatkan pengumpulan semula serta penguasaan konsep sifir 4, 6, 7, dan 8 dengan menggunakan bahan manipulatif *MasterCap*.
- b. Memupuk minat murid terhadap kemahiran penambahan dan penolakan pengumpulan semula serta penguasaan konsep sifir 4, 6, 7, dan 8 dengan menggunakan bahan manipulatif *MasterCap*.

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- a. Adakah bahan manipulatif *MasterCap* membantu murid meningkatkan penguasaan dalam kemahiran penambahan dan penolakan yang melibatkan pengumpulan semula serta konsep sifir 4, 6, 7, dan 8?
- b. Adakah bahan manipulatif *MasterCap* memupuk minat murid terhadap kemahiran penambahan dan penolakan pengumpulan semula serta konsep sifir 4, 6, 7, dan 8?

KUMPULAN SASARAN

Sejumlah lima orang responden dipilih dalam kalangan murid-murid sekolah rendah jenis kebangsaan. Lima orang responden (dilabelkan A1 hingga A5) yang berumur lapan tahun dengan pencapaian mereka dalam latihan operasi penambahan adalah kurang dari empat soalan dijawab betul dari sejumlah lima soalan. Manakala lima orang responden

lain (dilabelkan B1 hingga B5) juga berumur lapan tahun dengan empat orang adalah tidak menjawab mana-mana operasi penolakan dengan betul. Lima lagi responden yang berumur 11 tahun (dilabelkan C1 hingga C5) telah menunjukkan penguasaan yang baik dalam sifir 2, 3, 5 dan 9. Akan tetapi, mereka gagal menguasai sifir 4, 6, 7 dan 8 sepenuhnya serta prestasi matematik berada di tahap sederhana atau rendah.

TINDAKAN

Bagi melaksanakan kajian tindakan operasi penambahan, Model Kurt Lewin (1946) digunakan. Manakala Model Stephen Kemmis (1983) digunakan untuk pelaksanaan kajian tindakan operasi penolakan dan konsep sifir 4, 6, 7 dan 8. Merujuk Mok Soon Sang (2010) dan Rosinah Edinin (2014), kedua-dua model ini turut melibatkan empat langkah utama, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan refleksi. Langkah-langkah penggunaan *MasterCap* dalam penambahan semasa kitaran 1 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

MasterCap masih digunakan dalam Kitaran 2 tetapi wujud perubahan pada lembaran kerja yang direka. Pengkaji menguji cara responden melukis bulatan dengan lurus mengikut nilai tempat. Aras kesukaran soalan Kitaran 2 adalah lebih tinggi daripada soalan kitaran pertama. Langkah-langkah memindahkan idea dalam penggunaan *MasterCap* ke dalam lembaran kerja ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 1

Langkah penggunaan *MasterCap* dalam penambahan pengumpulan semula

Langkah	Ra	Pu	Sa														
Langkah 1				$532 + 279 =$ <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td></td> <td style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">ra</td> <td style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">pu</td> <td style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">sa</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: center;">5</td> <td style="text-align: center;">3</td> <td style="text-align: center;">2</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">+</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">7</td> <td style="text-align: center;">9</td> </tr> </table>		ra	pu	sa		5	3	2	+	2	7	9	Penutup botol diletakkan mengikut nilai tempat. Penutup botol dalam petak hitam mewakili nombor 279, yang lain mewakili 532.
	ra	pu	sa														
	5	3	2														
+	2	7	9														
Langkah 2				$532 + 279 =$ <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td></td> <td>ra</td> <td>pu</td> <td>sa</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: center;">5</td> <td style="text-align: center;">3</td> <td style="text-align: center;">2</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">+</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">7</td> <td style="text-align: center;">9</td> </tr> </table>		ra	pu	sa		5	3	2	+	2	7	9	Penambahan melibatkan pengumpulan semula di nilai tempat satu ke nilai tempat puluh.
	ra	pu	sa														
	5	3	2														
+	2	7	9														

<p>Langkah 3</p>		$532 + 279 =$ <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td>ra</td><td>pu</td><td>sa</td></tr> <tr><td>5</td><td>3</td><td>2</td></tr> <tr><td>+</td><td>2</td><td>7</td><td>9</td></tr> </table>	ra	pu	sa	5	3	2	+	2	7	9	<p>Penambahan melibatkan pengumpulan semula di nilai tempat puluh ke nilai tempat ratus.</p>			
ra	pu	sa														
5	3	2														
+	2	7	9													
<p>Langkah 4</p>		$532 + 279 =$ <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td>ra</td><td>pu</td><td>sa</td></tr> <tr><td>5</td><td>3</td><td>2</td></tr> <tr><td>+</td><td>2</td><td>7</td><td>9</td></tr> <tr><td>8</td><td>1</td><td>1</td></tr> </table>	ra	pu	sa	5	3	2	+	2	7	9	8	1	1	<p>Menulis jawapan ke dalam bentuk lazim. 8 biji penutup botol merah jambu mewakili “800”, 1 biji penutup botol jingga mewakili “10” dan 1 biji penutup botol hijau mewakili “1” Hasil tambah ialah 811.</p>
ra	pu	sa														
5	3	2														
+	2	7	9													
8	1	1														

Jadual 2




Contoh penyelesaian soalan operasi penambahan (Kitaran 2)

Langkah	Contoh
<p>Responden dibimbing menuliskan ayat Matematik dalam bentuk lazim. Bulatan kecil dilukis di dalam kotak yang disediakan dalam lembaran kerja.</p>	<p>1. $532 + 279 = 811$</p>

Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan langkah-langkah penggunaan *MasterCap* dalam kemahiran penolakan. Berpandukan penggunaan *MasterCap*, Jadual 3 menunjukkan contoh penyelesaian soalan operasi penolakan dalam Kitaran 1 dengan menggunakan kit *MasterCap*. Penyelesaian soalan operasi penolakan telah diubahsuai dalam Kitaran 2 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Responden diajar melukis simbol bulatan dalam menyelesaikan soalan operasi penolakan.

Jadual 3

Langkah penggunaan *MasterCap* dalam penolakan pengumpulan semula

<p>Langkah 1</p>		<p>176 - 27 =</p> $\begin{array}{r} \text{ra} \quad \text{pu} \quad \text{sa} \\ 1 \quad 7 \quad 6 \\ - \quad 2 \quad 7 \\ \hline \end{array}$	<p>Penutup botol mewakili nombor '176'.</p>
<p>Langkah 2</p>		<p>176 - 27 =</p> $\begin{array}{r} \text{ra} \quad \text{pu} \quad \text{sa} \\ 1 \quad 7 \quad 6 \\ - \quad 2 \quad 7 \\ \hline \end{array}$	<p>Pengiraan nilai tempat sa dengan menolak '7' penutup botol pada kawasan sa. 1 puluh dari nilai tempat puluh ditukarkan dengan 10 sa.</p>
<p>Langkah 3</p>		<p>176 - 27 =</p> $\begin{array}{r} \text{ra} \quad \text{pu} \quad \text{sa} \\ 1 \quad 7 \quad 6 \\ - \quad 2 \quad 7 \\ \hline 9 \end{array}$	<p>Ambil keluar 7 penutup botol dari kawasan nilai tempat sa. Bilangan yang tertinggal pada kawasan sa adalah '9'.</p>

<p>Langkah 4</p>		<p>$176 - 27 =$</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td></td><td>ra</td><td>pu</td><td>sa</td></tr> <tr><td></td><td>1</td><td>7</td><td>6</td></tr> <tr><td>-</td><td></td><td>2</td><td>7</td></tr> <tr><td colspan="4"><hr/></td></tr> <tr><td></td><td></td><td>4</td><td>9</td></tr> <tr><td colspan="4"><hr/></td></tr> </table>		ra	pu	sa		1	7	6	-		2	7	<hr/>						4	9	<hr/>				<p>Ambil keluar 2 penutup botol dari kawasan nilai tempat puluh. Nilai tempat puluh tinggal 4 penutup botol.</p>
	ra	pu	sa																								
	1	7	6																								
-		2	7																								
<hr/>																											
		4	9																								
<hr/>																											
<p>Langkah 5</p>		<p>$176 - 27 = 149$</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td></td><td>ra</td><td>pu</td><td>sa</td></tr> <tr><td></td><td>1</td><td>7</td><td>6</td></tr> <tr><td>-</td><td></td><td>2</td><td>7</td></tr> <tr><td colspan="4"><hr/></td></tr> <tr><td></td><td>1</td><td>4</td><td>9</td></tr> <tr><td colspan="4"><hr/></td></tr> </table>		ra	pu	sa		1	7	6	-		2	7	<hr/>					1	4	9	<hr/>				<p>Mengira bilangan penutup botol terdapat pada kawasan ratus, iaitu '1'.</p>
	ra	pu	sa																								
	1	7	6																								
-		2	7																								
<hr/>																											
	1	4	9																								
<hr/>																											

Jadual 4


Contoh penyelesaian soalan operasi penolakan (Kitaran 2)

Soalan: $176 - 27 = 149$


○	○○○○○ ○○○	○○○ ○○○○○ ○○○
1	7	6
-	2	7
<hr/>		
1	4	9

MasterCap juga boleh digunakan dalam pengajaran asas konsep sifir seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Penambahbaikan dilakukan dengan memasukkan unsur

melukis gambar rajah iaitu cara melakar atau penambahan berulang telah dilakukan dalam Kitaran 2 dan Kitaran 3. Rajah 6 pula menunjukkan cara melakar atau penambahan berulang yang belajar daripada *MasterCap* dalam Kitaran 2 dan Kitaran 3.



Rajah 5. Penggunaan *MasterCap* dalam konsep sifir



Rajah 6. Cara melakar atau penambahan berulang

Tiga jenis cara mengumpul data telah digunakan dalam kajian ini, iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data analisis dokumen dikumpul menggunakan lembaran kerja bagi mengukur tahap pencapaian responden. Data pemerhatian dikumpul menggunakan borang senarai semak serta data temu bual dikumpul menggunakan borang temu bual bagi menilai penguasaan kemahiran dan minat responden.

DAPATAN KAJIAN

Penguasaan Murid Melalui Penggunaan *MasterCap*

Pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen (instrumen lembaran kerja (LK) dan ujian pencapaian (UP)) dan temu bual untuk mengumpul data tentang penguasaan murid dalam kemahiran penambahan dan penolakan melibatkan pengumpulan semula serta konsep sifir 4, 6, dan 8. Jadual 5 menunjukkan pencapaian skor responden dalam kemahiran operasi penambahan. Kesemua responden dapat menguasai kemahiran menambah dalam kedua-dua kitaran. Setiap responden menunjukkan peningkatan tahap pencapaian dalam kedua-dua kitaran dan telah menguasai kemahiran penolakan pengumpulan semula berdasarkan Jadual 6. Jadual 7 menunjukkan data analisis dokumen responden dalam penguasaan konsep sifir

Jadual 5

Pencapaian skor responden (R) bagi operasi penambahan

R	Bilangan soalan dijawab dengan betul (Daripada 5)							
	Kitaran 1				Kitaran 2			
	LK 1	LK 2	UP 1	Tafsiran	LK 3	LK 4	UP 2	Tafsiran
A1	0	2	5	Menguasai	5	5	5	Menguasai
A2	3	4	5	Menguasai	4	5	5	Menguasai
A3	4	4	5	Menguasai	4	5	4	Menguasai
A4	5	5	5	Menguasai	5	5	4	Menguasai
A5	5	3	5	Menguasai	5	4	3	Menguasai

Jadual 6

Analisis pencapaian responden (R) bagi operasi penolakan

R	Bilangan soalan dijawab dengan betul (Daripada 5)							
	Kitaran 1				Kitaran 2			
	LK 1	LK 2	UP 1	Tafsiran	LK 3	LK 4	UP 2	Tafsiran
B1	1	0	2	Belum Menguasai	5	5	5	Menguasai
B2	4	5	5	Menguasai	5	5	5	Menguasai
B3	2	4	5	Menguasai	5	5	5	Menguasai
B4	0	5	5	Menguasai	5	5	5	Menguasai
B5	1	4	5	Menguasai	5	5	5	Menguasai

Jadual 7

Analisis pencapaian responden (R) bagi konsep sifir

R	Bilangan soalan dijawab dengan betul (Daripada 20)							
	Kitaran 1			Kitaran 2		Kitaran 3		Tafsiran
	LK 1	LK 2	LK 3	LK 4	LK 5	LK 6	LK 7	
C1	15	19	19	20	18	17	20	Menguasai
C2	20	20	19	20	20	20	20	Menguasai
C3	19	20	20	18	19	20	19	Menguasai
C4	19	19	20	20	19	20	17	Menguasai
C5	20	20	20	19	20	20	20	Menguasai

Data temu bual juga dianalisis secara transkripsi dan penentuan kod. Berdasarkan Jadual 8, semua responden memberi maklum balas bahawa *MasterCap* mudah digunakan dalam operasi penambahan. Jadual 9 pula menunjukkan semua responden masih keliru tentang penggunaan *MasterCap* dalam operasi penambahan semasa Kitaran 1. Walau bagaimana pun, semua responden sudah memahami proses melaksanakan pengiraan tambah dengan menggunakan *MasterCap* semasa Kitaran 2 (Jadual 9). Dalam Jadual 10, setiap responden bersifat positif dan yakin terhadap penggunaan *MasterCap* dalam menjawab soalan operasi penolakan. Berdasarkan Jadual 11 menunjukkan semua responden bersetuju bahawa *MasterCap* senang digunakan untuk mendapat jawapan sifir dan juga menunjukkan bahawa C1 telah meningkat tahap keyakinan dalam mencari jawapan sendiri.

Jadual 8

Analisis transkripsi soalan temu bual dalam operasi penambahan (Kitaran 1)

Responden	Maklum Balas	Kod
Soalan 1: Adakah mudah <i>MasterCap</i> digunakan?		
A1, A3, A4, A5	Mudah	1
A2	“Mudah. Guna penutup saja...”	1

Kod 1: Mudah, Kod 2: Susah		
Soalan 2: Adakah anda rasa senang menjawab soalan tambah dengan menggunakan <i>MasterCap</i> ?		
A1	“ Tidak ...Sebab nak fikir lama”	2
A2	“ Tidak ...kena lukis banyak...keliru...”	2
A3	“ Tidak . Tidak begitu jelas...”	2
A4	“...nak lukis...Keliru...”	2
A5	“ Tidak ...Tak tahu buat...”	2
Kod 1: Senang, Kod 2: Tidak senang		

Jadual 9

Analisis transkripsi salan temu bual dalam operasi penambahan (Kitaran 2)

Responden	Maklum Balas	Kod
Soalan 1: Adakah lebih memahami proses pengiraan tambah dengan menggunakan <i>MasterCap</i> ?		
A2, A4	Ada	1
A1	“ Ya ... Lukis bulat”	1
A3	“ Ada ... Lukis bulat”	1
A5	“ Ada ... Lukis bulat dan potong”	1
Kod 1: Memahami, Kod 2: Tidak memahami		
Soalan 2: Adakah <i>MasterCap</i> telah membantu anda untuk memahami proses melaksanakan pengiraan tambah?		
A1, A4, A5	“ Ya ...”	1
A2	“ Em ...”	1
A3	“ Ya ... Sepuluh jadi satu”	1
Kod 1: Bantu, Kod 2: Tidak membantu		

Jadual 10

Analisis transkrip soalan temu bual dalam kajian operasi penolakan

Kitaran 1	Kod	Kitaran 2	Kod
Soalan 1: Adakah mudah untuk menggunakan kaedah melukis biji penutup botol semasa menjawab soalan operasi tolak?			
“... mudah senang, lukis...” (B1)	1	“... mudah ...” (B1, B2, B3, B4)	1
“... mudah ...” (B2, B3, B4, B5)	1	“... ya ...” (B5)	1
Kod 1: Mudah, Kod 2: Tidak mudah			
Soalan 2: Adakah kamu yakin dengan cara menggunakan <i>MasterCap</i> ini?			
“... yakin ...” (B1, B2, B3, B4)	1	“... yakin ...” (B1, B3)	1
“... ya ...” (B5)	1	“... ya ...” (B2, B4, B5)	1
Kod 1: Yakin, Kod 2: Tidak yakin			

Jadual 11

Analisis transkrip soalan temu bual dalam kajian konsep sifir

Responden	Maklum Balas			Kod
	Kitaran 1	Kitaran 2	Kitaran 3	
Soalan 1: Adakah anda suka menggunakan <i>MasterCap</i> untuk menjawab soalan sifir?				
C1, C2, C3, C4	Ya.	Ya.	Ya.	1
C5	“ Ya , saya amat suka.”	“ Ya , saya sangat suka...”	“ Ya , saya sangat suka...”	1
Kod 1: Ya, Kod 2: Tidak				
Soalan 2: Adakah kit “ <i>MasterCap</i> ” senang digunakan untuk mendapat jawapan sifir?				
C1, C2, C3, C4	Ya.	Ya.	Ya.	1

C5	“Ya, ia lebih senang...”	“Ya, <i>MasterCap</i> senang digunakan...”	“Ya, <i>MasterCap</i> senang digunakan...”	1
Kod 1: Ya, Kod 2: Tidak				
Soalan 3: Adakah anda boleh mencari semua jawapan tanpa bantuan orang lain?				
C1	Tidak boleh	Tidak boleh	Boleh	1
C2, C3, C4	Boleh	Boleh	Boleh	1
C5	“Ya, saya boleh...”	“Ya, ... boleh ... tanpa bantuan orang lain.”	Boleh	1
Kod 1: Boleh, Kod 2: Tidak boleh				

Minat Murid Melalui Penggunaan *MasterCap*

Bagi menjawab soalan kajian kedua, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Jadual 12 merupakan dapatan data pemerhatian terhadap responden-responden dalam operasi penambahan. Berdasarkan Jadual 12, sekurang-kurangnya terdapat 3 orang responden bersenyap pada setiap kali proses PdP berlangsung. Para responden juga menjadi semakin aktif sehingga hampir semua responden boleh melibatkan diri dalam menjawab soalan guru pada kitaran kedua. Semua responden juga boleh menumpukan perhatian dalam setiap perjumpaan kecuali Ujian Pencapaian 1 dan Lembaran Kerja 4. Akhirnya, didapati bahawa semakin banyak responden berasa seronok ketika memanipulasikan *MasterCap*. Jadual 13 menunjukkan hasil pemerhatian yang mengalami peningkatan reaksi positif responden dari Kitaran 1 ke Kitaran 2 semasa mempelajari operasi penolakan. Jadual 14 merupakan hasil pemerhatian sepanjang kajian dalam konsep sifir. Setiap responden berupaya menumpukan perhatian semasa melakukan aktiviti dengan menggunakan atau mengaplikasi konsep yang dipelajari daripada *MasterCap*. Semua responden menunjukkan respon positif seperti gembira dan minat dalam menjawab soalan sifir. Semua responden juga telah menunjukkan kepuasan apabila berjaya menjawab soalan dengan konsep sifir yang dipelajari daripada *MasterCap*. Bilangan responden meminta soalan juga meningkat.

Jadual 12

Hasil pemerhatian responden dalam kajian operasi penambahan

Bil.	Perkara	Kekerapan “Ya” atau “Tidak” (Daripada 15)			
		Kitaran 1		Kitaran2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Responden tidak membuat bising ketika proses PdP.	10	5	13	2
2	Responden aktif dalam menjawab soalan guru.	11	4	14	1
3	Responden menumpukan perhatian semasa guru memperkenalkan cara penggunaan <i>MasterCap</i> .	13	2	14	1
4	Responden berasa seronok ketika memanipulasikan <i>MasterCap</i> .	9	6	14	1

Jadual 13

Hasil pemerhatian responden dalam kajian operasi penolakan

Bil.	Perkara	Kekerapan “Ya” atau “Tidak” (Daripada 5)			
		Kitaran 1		Kitaran2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Responden menumpukan perhatian dan menunjukkan rasa keseronokan.	4	1	5	0

2	Responden menggunakan cara <i>MasterCap</i> untuk menjawab soalan.	5	0	5	0
3	Responden mengemukakan soalan berkaitan dengan <i>MasterCap</i> .	3	2	5	0

Jadual 14

Hasil pemerhatian responden dalam kajian konsep sifir

Bil.	Perkara	Kekerapan “Ya” atau “Tidak” (Daripada 5)					
		Kitaran 1		Kitaran2		Kitaran 3	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Menumpukan perhatian semasa melakukan aktiviti.	5	0	5	0	5	0
2	Menunjukkan respon positif seperti gembira dan minat.	5	0	5	0	5	0
3	Menunjukkan kepuasan apabila berjaya menjawab soalan.	5	0	5	0	5	0
4	Meminta cabaran atau soalan baru daripada guru.	2	3	3	2	5	0

Jadual 15 menunjukkan transkripsi bagi temu bual tentang minat responden terhadap operasi penambahan selepas tamat kitaran kedua. Transkripsi dalam Jadual 15 menunjukkan semua responden berasa seronok ketika melukis bulatan kecil semasa menyelesaikan soalan tambah. Semua responden menunjukkan minat untuk menggunakan amalan melukis bulatan kecil apabila menjawab soalan tambah. Jadual 16 merupakan analisis transkrip temu bual semasa pelaksanaan kajian dalam operasi penolakan yang menunjukkan setiap responden bersifat positif dan minat terhadap penggunaan *MasterCap* dalam menjawab soalan operasi penolakan. Manakala Jadual 17 menunjukkan semua responden memberi maklum balas bahawa mereka suka menggunakan *MasterCap* untuk menjawab soalan sifir. Semua responden seronok dan gembira sepanjang aktiviti menjawab soalan sifir dengan menggunakan *MasterCap* bersama-sama kawan.

Jadual 15

Analisis transkrip soalan temu bual dalam kajian operasi penambahan (Kitaran 2)

Responden	Maklum Balas	Kod
Soalan 1: Adakah anda lebih memahami proses melaksanakan pengiraan tambah dengan menggunakan <i>MasterCap</i> ?		
A1, A3, A4, A5	“...Ya...”	1
A2	“...saya suka belajar Matematik kalau guna ini...”	1
Kod 1: Menyeronokkan, Kod 2: Tidak menyeronokkan		
Soalan 2: Adakah <i>MasterCap</i> telah membantu anda untuk memahami proses melaksanakan pengiraan tambah?		
A1, A3, A4	“Ya...”	1
A2	“Oklah...”	1
A5	“Ya... Sebab seronok main ini”	1
Kod 1: Berminat, Kod 2: Tidak berminat		

Jadual 16

Analisis transkrip soalan temu bual dalam kajian operasi penolakan

Kitaran 1	Kod	Kitaran 2	Kod
Soalan 1: Adakah kamu berasa seronok dengan menggunakan <i>MasterCap</i> ? Kenapa?			
"...seronok, sebab senang..." (B1)	1	"...ya, ada main-main..." (B1)	1
"...seronok. Tak susah kira." (B2)	1	"...seronok, boleh letak 10 lepas boleh ambil berapa saja..." (B2)	1
"...seronok, ada warna..." (B3)	1	"...seronok, senang..." (B3)	1
"...seronok, ada warna boleh main..." (B4)	1	"...seronok, boleh main..." (B4)	1
"...ya, sebab ada penutup botol... suka..." (B5)	1	"...ya, ada penutup botol..." (B5)	1
Kod 1: Seronok, Kod 2: Tidak seronok			
Soalan 2: Mahukah kamu menggunakan cara melukis biji penutup botol semasa menjawab soalan operasi tolak?			
"...mahu..." (B1, B3, B4, B5)	1	"...mahu..." (B3, B5)	1
"...ya..." (B2)	1	"...ya..." (B1, B2, B4)	1
Kod 1: Mahu, Kod 2: Tidak mahu			

Jadual 17

Analisis transkrip soalan temu bual dalam kajian konsep sifir

Responden	Maklum Balas			Kod
	Kitaran 1	Kitaran 2	Kitaran 3	
Soalan 1: Adakah anda suka menggunakan kit " <i>MasterCap</i> " untuk menjawab soalan?				
C1, C2, C3, C4	Ya.	Ya	Ya	1
C5	Ya, Saya amat suka.	"Ya, saya sangat suka..."	"Ya, saya sangat suka..."	1
Soalan 2: Adakah anda berasa seronok apabila berjaya mendapat jawapan dengan kawan-kawan?				
C1, C3, C4	Ya.	Ya	Ya	1
C2	Ya, saya berasa seronok.	Ya, saya suka dan berasa seronok.	"Ya, saya berasa seronok..."	1
C5	Ya, kerana dapat bekerjasama dengan kawan.	Ya.	"Ya, kerana saya amat suka..."	1
Kod 1: Ya, Kod 2: Tidak				

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Penguasaan Murid Melalui Penggunaan *MasterCap*

Semua responden menunjukkan prestasi yang semakin meningkat dalam Kitaran 1 bagi operasi penambahan setelah meneliti hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada Jadual 5. Berdasarkan Jadual 6, dapatan analisis dokumen menunjukkan responden menguasai sepenuhnya dalam kemahiran penolakan melibatkan pengumpulan semula. Jadual 7 juga menunjukkan bahawa peningkatan penguasaan responden dalam konsep sifir melalui perubahan amalan PdP dengan menggunakan *MasterCap*. Dalam Kitaran 2, semua responden memberi maklum balas bahawa mereka lebih memahami proses melaksanakan pengiraan tambah dengan menggunakan *MasterCap* berdasarkan Jadual 9. Analisis temu bual dalam Jadual 10 menunjukkan responden mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap penggunaan *MasterCap* dalam kemahiran penolakan. Ini menunjukkan bahawa cara *MasterCap* membantu dalam meningkatkan penguasaan kemahiran penolakan. Data temubual (Jadual 11) juga menunjukkan peningkatan penguasaan murid terhadap konsep sifir.

MasterCap yang bersifat konkrit dan mampu menarik perhatian dalam kalangan responden yang selaras dengan dapatan kajian Musa Sulaiman (2005). *MasterCap* sebagai bahan manipulatif untuk responden mengendalikan konsep Matematik dengan lebih efektif. Ini selaras dengan kajian Drapper (2009). Melalui bahan bantu mengajar *MasterCap*, responden dapat memahami konsep Matematik dengan lebih mudah kerana bahan bantu mengajar yang berunsur konkrit mampu memberi pengalaman visualisasi kepada responden. Kenyataan ini juga selaras dengan Piaget (1954), Weiss (2006) dan Hyerle (2009). Semua dapatan telah membuktikan *MasterCap* dapat membantu murid mengukuhkan pemahaman kemahiran penambahan dan penolakan melibatkan pengumpulan semula serta konsep sifir 4, 6, 7 dan 8.

Minat Murid Melalui Penggunaan *MasterCap*

Berdasarkan hasil pemerhatian Jadual 12, kebanyakan responden bersenyap pada setiap kali proses PdP berlangsung kecuali seorang responden yang nakal dan bersifat aktif. Murid juga semakin aktif seiringi dengan bilangan kali perjumpaan diadakan. Berdasarkan Jadual 13, setiap responden menunjukkan reaksi positif yang menjurus kepada minat terhadap penggunaan *MasterCap*. Jadual 14 telah menunjukkan peningkatan bilangan responden yang meminta soalan baru. Ini menunjukkan minat mereka terhadap konsep sifir telah dipupuk melalui *MasterCap*. Daripada hasil temu bual dalam Jadual 15, disimpulkan bahawa responden berasa seronok dengan melukis bulatan kecil. Setiap responden lebih berminat dalam penggunaan *MasterCap* selepas memasuki kitaran kedua. Berdasarkan Jadual 16, maklum balas yang diberi oleh responden dalam kedua-dua kitaran adalah rasa seronok dengan penggunaan *MasterCap*. Manakala perubahan amalan pengajaran guru mengajar konsep sifir dengan menggunakan *MasterCap* telah membantu meningkatkan penguasaan dan minat responden dalam menguasai konsep sifir (Jadual 17). Ini selaras dengan dapatan kajian Siti Nur Aqida Rosli (2013) dan Noor Norma Haji Hassan (2004).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa *MasterCap* mampu menarik minat murid terhadap ketiga-tiga kemahiran ini. *MasterCap* yang merupakan bahan bantu belajar berunsur konkrit telah dapat merangsang keinginan responden untuk mempelajari kemahiran matematik seterusnya memupuk minat mereka terhadap topik berkenaan. Fakta ini disokong oleh Yusop Haji Malie dan Anisah Alias (2010). Perasaan minat yang ditunjukkan oleh responden banyak disebabkan oleh *MasterCap* yang berwarna-warni dan berunsur konkrit. Fakta ini selaras dengan kajian lepas Ling Leh Ping (2015) dan Lai Hui Fah (2015). Secara kesimpulannya, dengan berdasarkan hasil pemerhatian dan temu bual dapat menunjukkan bahawa penggunaan *MasterCap* dapat memupuk minat murid terhadap penambahan dan penolakan melibatkan pengumpulan semula serta sifir 4, 6, 7 dan 8.

PENUTUP

Secara keseluruhan, penggunaan *MasterCap* mambantu dalam meningkatkan kemahiran responden dalam topik penambahan dan penolakan melibatkan pengumpulan semula serta sifir 4, 6, 7 dan 8. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan *MasterCap* telah meningkatkan minat responden terhadap ketiga-tiga kemahiran tersebut. *Mastercap* juga dapat digunakan bagi operasi penambahan dan penolakan Tahun 3 yang melibatkan nombor penambahan dan penolakan dalam lingkungan 10000. Selain itu, *MasterCap* juga boleh digunakan dalam membantu murid menguasai konsep luas. Murid-murid boleh membentuk konsep luas mereka melalui aktiviti dan memahami pembentukan rumus luas iaitu panjang \times lebar. Kita sebagai guru harus pandai mengendali alat bantu mengajar dan menerapkan konsep Matematik ke dalam diri murid supaya mereka dapat memanfaatkan ilmu tersebut di kemudian hari.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun 2*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Drapper, F. (2009). *Addition with regrouping*. Retrieved September Durmus, S., & Karakirik, E. (2006). *Virtual manipulatives in Mathematics education: A theoretical framework*. The Turkish Journal of Educational Technology, 5(1). 117-123.
- Hyerle, D. (2009). *Visual tools for transforming information into knowledge*. United California: Corwin Press.
- Lai Hui Fah. (2015). *Meningkatkan kemahiran menolak dengan pengumpulan semula dalam bentuk lazim berbantuan BBM*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Ling Leh Ping. (2015). Penggunaan permainan kotak pengiraan dalam kemahiran operasi tolak dengan pengumpulan semula. *Prosiding Seminar Pengkajian Tindakan IPGKS Tahun 2015* April 16 – 19. Sarawak: IPG Kampus Sarawak Miri, ms 165 – 177.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Musa Sulaiman. (2005). Fokus kepada inovasi sumber pengajaran dan pembelajaran. *Kertas Kerja*. Sarawak: Institut Perguruan Batu Lintang.
- Noor Norma Haji Hassan. (2004). *Hubungan di antara penggunaan bahan bantu mengajar dengan minat murid Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Kem, Pengkalan Chepa Kelantan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Piaget, J. (1954). *The construction of reality in the child (M. Cook Trans.)* New York: Ballantine.
- Rosinah Edinin. (2014). *Penyelidikan tindakan kajian dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Sherman, H.J., Richardson, L.I. & Yard, G.J. (2005). *Teaching children who struggle in Mathematics. A systematic approach to analysis and correction*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Siti Nur Aqida Rosly. (2013). *Menggunakan aplikasi jadual sifir dua digit dalam menyelesaikan masalah darab melibatkan nombor bulat*. Tesis tidak diterbitkan, Pulau Pinang: Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang.
- Weiss, D. F. (2006). An investigation of differences in cognition when utilizing math manipulatives and math manipulative software. *Dissertation Abstracts International*, 56(7), 2650.
- Yusop Hj. Malie & Anisah Alias. (2010). *Modul pendidikan khas masalah pembelajaran PKB3108 kaedah khas pengajaran dan pembelajaran matematik*. Cyberjaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

CIRI KEPERIBADIAN DAN MOTIVASI GURU CEMERLANG BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SARAWAK

ONG SZE CHONG¹, ZAMRI MAHAMOD², MOHD IZHAM MOHD HAMZAH³

¹SMK Saint Columba, Jalan Dato' Abang Indeh, 98000, Miri, Sarawak, szechong@yahoo.com

^{2,3}Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor D.E.

d-zam@ukm.edu.my, izham@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat ciri kecemerlangan yang terdapat kepada GCBM sekolah menengah di negeri Sarawak. Terdapat 6 GCBM dipilih melalui penggunaan sampel bertujuan dalam kajian kes ini. Daripada setiap GCBM ini, pengetua, dua orang rakan sejawat mata pelajaran Bahasa Melayu, dan dua orang pelajar dipilih untuk menjadi sampel bertujuan kajian. Pendekatan penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini merupakan pendekatan kualitatif yang disokong dengan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kajian kes. Data untuk kajian kes ini telah dikumpul menggunakan temu bual yang disokong oleh data pemerhatian dan analisis dokumen. Data temu bual dan data laporan serta analisis dokumen dianalisis dengan teknik perbandingan berterusan ("constant comparison") ciri GCBM berbantuan perisian N' Vivo. Dalam pendekatan kuantitatif pula, sebanyak 120 pelajar dipilih secara persampelan kelompok. Borang soal selidik diedarkan kepada 120 pelajar sampel bertujuan kajian untuk melihat dapatan motivasi intrinsik dan ekstrinsik GCBM dan motivasi pelajar-pelajar ketika di dalam bilik darjah penyeliaan GCBM. Data yang diperolehi dianalisis dengan dibantu oleh program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0 dan dihuraikan secara deskriptif melalui skor min dan sisihan piawai. Data kualitatif yang dikumpul disokong dengan data kuantitatif untuk menghasilkan dua pola utama keperibadian dan motivasi GCBM yang memantapkan kecemerlangan GCBM sekolah menengah di negeri Sarawak. Daripada kedua-dua pola ini terhasil satu model GCBM, iaitu Model Pembelajaran dan Pengajaran Berkesan Bahasa Melayu (MPPBBM). Model ini boleh dijadikan asas rujukan kepada pihak berkepentingan khususnya KPM, JPN, PPD, sekolah dan pelajar agar *Guru Cemerlang Bahasa Melayu (GCBM) ialah guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan kepakaran yang tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya dalam bidang pembelajaran dan pengajaran. Di samping itu, GCBM juga sangat berdedikasi dan bermotivasi tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pendidik yang cemerlang secara berterusan.*

Kata Kunci: ciri, keperibadian, motivasi, model, guru cemerlang

ABSTRACT

The purpose of this research is to study the "excellent" trait found in secondary school Malay Language Excellent Teachers (GCBM) in the state of Sarawak. Six GCBM are chosen in this case study. These six GCBM together with their respective principals, two colleagues teaching the Malay Language subject, and two pupils are chosen as purposive sampling for this research. This research uses a qualitative approach and is supported by quantitative analysis. The qualitative approach used here is case study. Data collected for this case study is from the interview supported by observation data and document analysis. The data from the interview and the report together with document analysis will be analysed using direct comparison with the GCBM traits from the software "N Vivo". On the other hand, the quantitative method used will involve 120 pupils chosen using purposive sampling. A questionnaire will be distributed to the sampel pupils to find out the students' and teacher's extrinsic and intrinsic motivation in class under the supervision of the GCBM. The data obtained will be analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 16.0 and explained descriptively using mean score and standard deviation. The qualitative data collected will be supported by the quantitative data to come up with two

main patterns namely the individuality and motivation of GCBM that will reinforce the excellence of secondary schools GCBM in Sarawak. From these two patterns, one model GCBM will be generated namely the Effective Malay Language Teaching and Learning Model (MPPEBM). These model can be used as reference by relevant authorities such as KPM, JPN, PPD, schools and pupils. A Malay Language Excellent Teacher (GCBM) is a teacher who has knowledge, skills, and high expertise in the Malay Language especially in the field of teaching and learning. In addition, GCBM is very dedicated and is highly motivated in carrying out the duties and responsibilities as an excellent educator continuously.

Keywords: trait, individuality, motivation, model, excellent teachers

PENGENALAN

Pendidikan merupakan asas dalam meningkatkan pembangunan modal insan bagi meningkatkan pembangunan negara kita. Pembangunan modal insan perlu dilakukan secara holistik tanpa mengira kaum dan agama. Kerajaan Malaysia turut memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan sebagai teras utama dalam mencapai Wawasan 2020 (Ramlee, Mustaffa, Ruhizan, Norani & Syed Najmuddin 2009). Perkara ini bukan saja penting untuk meningkatkan kemajuan dan pembangunan tetapi juga mampu meningkatkan hubungan perpaduan antara pelbagai kaum. Bagi menghadapi segala cabaran yang menghalang kita daripada mencapai Wawasan 2020, kerajaan Malaysia telah memberikan sepenuh komitmen kepada Program Transformasi Kerajaan (GTP) selaras dengan prinsip *Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat ingin menyediakan guru yang mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran yang menjadikan mereka sentitif terhadap latar belakang pelajar yang berbeza-beza dan menangani perhubungan antara kaum dalam kaedah yang positif dan proaktif. Dalam konteks KPM, setiap guru perlu mempunyai tahap profesionalisme yang berkualiti dan cemerlang. Justeru, inisiatif pembangunan profesion keguruan dalam bentuk pembinaan ilmu dan kemahiran PdP, pengurusan, kerohanian dan keinsanan, kebajikan, penyampaian, pengawasan, penyeliaan dan penilaian dalam kalangan warga pendidik perlu dimantapkan. Ini dapat membantu proses PdP dilaksanakan secara berterusan, rasional, ilmiah, kolaboratif, permuafakatan dan perkongsian dengan penelitian terhadap segala alternatif berpandukan informasi dan ilmu pengetahuan.

PERNYATAAN MASALAH

Perubahan kompleks yang berlaku dalam pendidikan, ekonomi, sosial dan politik kerajaan amat memerlukan kerajaan Malaysia melatih lebih ramai guru cemerlang. Profesion keguruan mesti dilakukan bermatlamat menghasilkan guru yang cekap, kreatif, inovatif, dedikasi dan komited untuk memikul tanggungjawab sebagai pendidik efektif. Segala kompetensi, kemahiran, ilmu pengetahuan, motivasi dan keperibadian perlu dikembangkan sejajar dengan perkembangan ilmu sejagat dan mencapai visi Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) melahirkan guru bertaraf dunia (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Profesion perguruan mencapai cabaran yang kritikal dalam membangunkan modal insan cemerlang di Malaysia. Guru memainkan peranan kritikal untuk meningkatkan kompetensi profesional. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, KPM memberi penekanan tinggi terhadap pembangunan modal insan kelas pertama sebagai usaha mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Dalam konteks KPM, setiap guru perlu mempunyai tahap profesionalisme yang berkualiti dan cemerlang. Justeru, inisiatif pembangunan profesion keguruan dalam bentuk pembinaan ilmu dan kemahiran PdP, pengurusan, kerohanian dan keinsanan, kebajikan,

penyampaian, pengawasan, penyeliaan dan penilaian dalam kalangan warga pendidik perlu dimantapkan. Ini dapat membantu proses PdP dilaksanakan secara berterusan, rasional, ilmiah, kolaboratif, permuafakatan dan perkongsian dengan penelitian terhadap segala alternatif berpandukan informasi dan ilmu pengetahuan (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012).

Kamarul (2009) pula melihat GCBM sebagai guru yang rajin, bersungguh-sungguh, berdedikasi, serta komitmen, menjadi tempat rujukan, menjadi teladan dan model yang baik, pembimbing dalam hal agama dan pengurusan, positif dan terbuka terhadap pandangan orang lain, perahsia, bertanggungjawab, berdisiplin, jujur dan ikhlas, taat dan patuh kepada pentadbir dan pihak atasan, cekal, gigih, serta tabah, berkarisma, berwibawa, serta mempunyai sifat kepimpinan, penyabar, bersopan santun dan berhemah, berterus terang, bertoleransi, dan akhir sekali berketrampilan. Ishak (2006) menjustifikasikan motivasi kepada motivasi luaran dan motivasi dalaman yang mampu mempengaruhi tahap kecemerlangan seseorang guru di dalam bilik darjah dan sekolah.

Pembangunan sistem pendidikan bertaraf dunia mengikut acuan Malaysia adalah agenda utama KPM. Justeru itu, guru perlu memahami, menunjukkan kesungguhan, dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan (Zamri 2014). Guru Bahasa Melayu menghadapi cabaran memartabatkan dan memperkasakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kesemua GCBM perlu sentiasa mengambil inisiatif untuk melengkapkan diri mereka untuk menjadi seorang guru cemerlang yang mantap. Kekuatan kecemerlangan GCBM mampu membentuk modal insan kelas pertama yang dihasratkan oleh Malaysia (Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris, 2014).

MODEL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DUNKIN DAN BIDDLE

Model P&P Dunkin dan Biddle (1974) membincangkan guru cemerlang bukan sahaja datang daripada ciri dan gaya guru tetapi juga bergantung kepada faktor pelajar, bilik darjah, rakan sejawat, sekolah dan pemimipin sekolah. Tahap pengajaran efektif adalah bergantung kepada lima faktor utama, iaitu guru, pelajar, bilik darjah dan sekolah, proses PdP dan hasil pembelajaran pelajar. Guru perlu menunjukkan kemampuan dalam melaksanakan pengajaran efektif bergantung kepada sifat personaliti diri, kemahiran mengajar, gaya pengajaran dan ciri keperibadian. Kejayaan pengajaran guru bergantung kepada pelajar yang diajar oleh guru. Keberkesanan PdP bergantung kepada sikap, motivasi, cara belajar dan personaliti diri pelajar. Bilik darjah yang menjadi penentu kepada keefektifan PdP ialah saiz bilik darjah, bahan bantu mengajar (BBM) dan keadaan kondusif di dalam bilik darjah. Manakala sekolah yang dapat meningkatkan keefektifan PdP terdiri daripada iklim persekolahan, kepelbagaian ras dan saiz sekolah. Proses PdP yang berlaku di dalam bilik darjah melibatkan tingkah laku guru dan pelajar. Guru efektif akan sentiasa memerhatikan perkembangan penguasaan pelajar terhadap PdP. Kejayaan guru mengubah pelajar dalam bentuk perubahan jangka pendek dan merupakan kayu ukur kepada keefektifan pengajaran guru.

KERANGKA TEORI KAJIAN

Kerangka teori kajian yang dibina dalam kajian ini melihat ciri kritikal yang menjadi asas kepada kecemerlangan GCBM. Kerangka teori ini hasil daripada ciri guru di dalam bilik darjah yang menjadi ciri asas kepada kecemerlangan GCBM. Konsep ini diadaptasikan daripada teori Dunkin dan Biddle (1974) untuk membentuk satu kerangka teori kajian yang digunakan dalam kajian ini. Pemboleh ubah bersandar menumpukan

kepada dua aspek ciri guru cemerlang. Manakala pemboleh ubah bebas yang mencorakkan guru cemerlang Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan negeri Sarawak, iaitu demografi guru, demografi pelajar serta persekitaran sekolah dan bilik darjah.



Adaptasi: Teori Dunkin dan Biddle (1974)

Rajah 1. Kerangka Kajian Kes Guru Cemerlang Bahasa Melayu Sekolah Menengah di Negeri Sarawak

Kedua-dua aspek ini diadaptasikan daripada ciri guru efektif mengikut teori Dunkin dan Biddle (1974). Namun bagi kajian kuantitatif, sebahagian daripada kerangka kajian ini diambil dengan kerangka kajian kuantitatif memuatkan pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas berkaitan dengan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan pelajar di bawah penyeliaan GCBM. Manakala pemboleh ubah bersandar pula merujuk kepada keperibadian diri GCBM.

OBJEKTIF KAJIAN

- Kajian ini ingin mencapai empat objektif yang berikut:
- Mengetahui bentuk keperibadian yang diamalkan oleh GCBM di dalam bilik darjah dan sekolah.
 - Mengetahui bentuk motivasi yang didominasi oleh GCBM untuk mengekalkan tahap kecemerlangan di dalam bilik darjah dan sekolah.
 - Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pembawaan keperibadian GCBM di dalam bilik darjah.
 - Mengenal pasti tahap motivasi pelajar di dalam bilik darjah yang belajar di bawah GCBM.

PERSOALAN KAJIAN

- Kajian ini ingin mencari jawapan terhadap persoalan berikut:
- Apakah bentuk keperibadian yang diamalkan oleh GCBM di dalam bilik darjah dan sekolah?
 - Apakah bentuk motivasi yang dipedomankan oleh GCBM untuk mengekalkan tahap kecemerlangan di dalam bilik darjah dan sekolah?
 - Apakah persepsi pelajar terhadap pembawaan keperibadian GCBM di dalam bilik darjah?
 - Bagaimana tahap motivasi pelajar di dalam bilik darjah yang belajar di bawah GCBM?

\

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian pelbagai kes atau kajian pelbagai tempat lapangan. Ini adalah kerana melibatkan 6 buah sekolah menengah yang terpilih di negeri Sarawak. Kajian ini menggunakan dua reka bentuk kajian iaitu bentuk kajian kualitatif yang merangkumi instrumen temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen. Bentuk kajian kuantitatif yang merangkumi borang soal selidik. Menurut Merriam (1997), data seperti ini dapat meningkatkan lagi kesahan generalisasi dapatan kajian. Pengkaji telah mengambil reka bentuk kajian pelbagai kes dengan mengikut acuan yang digunakan oleh Mohd Izham (2006) dengan sedikit pengubahsuaian mengikut kesesuaian situasi pengkaji. Sehubungan dengan itu, penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data dapat membantu mengukuhkan dapatan kajian dari aspek kesahan dan keyakinan terhadap data dan maklumat yang diperolehi (Fraenkel & Wallen, 1996; Patton, 2002).

Populasi dan Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada semua GCBM sekolah menengah kerajaan di negeri Sarawak yang dipilih melalui persampelan tujuan. Kajian ini hanya melibatkan sekolah 1 hingga sekolah 6 yang terletak di Bahagian Bintulu, Bahagian Sibu dan Bahagian Sarikei di negeri Sarawak. Maka pengkaji menggunakan persampelan bertujuan, iaitu kelompok responden yang mewakili populasi yang hendak dikaji dikenal pasti dan semua aktiviti dalam kelompok tersebut diambil kira sebagai sampel (Sabitha, 2005). Oleh itu, pengkaji mengenal pasti sekolah-sekolah menengah kerajaan yang terdapat GCBM sebagaimana yang telah dijelaskan dalam tajuk lokasi kajian. Pemilihan sekolah menengah kerajaan di negeri Sarawak ini untuk dikaji dan dilaksanakan kajian kes ini memadai menurut Sabitha (2005) dan Mohd Izham (2006) kerana penekanan kajian kualitatif bukan kepada jumlah responden, tetapi aplikasi spesifikasi ciri amalan yang dilakukan oleh responden. Selain itu, batas masa juga perlu diambil kira kerana kajian ini bukan sahaja melibatkan kajian kualitatif, tetapi juga kajian kuantitatif yang turut dilaksanakan.

Terdapat lima jenis kumpulan responden bagi pengumpulan data temu bual, iaitu 6 orang GCBM, 5 orang pengetua, 12 orang rakan sejawat dan 12 orang pelajar yang diajar oleh GCBM. Asas penetapan 120 sampel bertujuan kajian ini ialah berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970) yang dipetik daripada Sekaran (2000) yang telah menetapkan jumlah sampel berdasarkan jumlah populasi. Pemilihan sampel kajian adalah secara bertujuan bagi memastikan maklumat yang diperolehi dapat memberi jawapan yang tepat kepada persoalan kajian. Oleh itu sampel kajian perlu memenuhi kriteria serta ciri yang telah ditetapkan agar dapat memberi maklumat yang tepat (Mason, 2002; Ritchie & Lewis, 2003).

Instrumen Kajian atau Cara Pengumpulan Data

Tumpuan temu bual dimulakan dengan latar belakang GCBM. Kemudian diikuti dengan dua ciri kecemerlangan GCBM, iaitu keperibadian diri dan motivasi yang memantapkan kecemerlangan GCBM di sekolah. Pengkaji telah menggunakan teknik mencungkil untuk memperoleh maklumat tentang sesuatu perkara seperti mengemukakan soalan yang bersifat khusus, agar responden mampu menghuraikan sesuatu perkara dengan lebih lanjut, memberikan kepastian dan memberikan contoh-contoh spesifik (Zamri *et al.*, 2015).

Pengkaji juga menggunakan bentuk kajian kuantitatif untuk mengumpulkan data bagi mengukuhkan data kualitatif kajian. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu A – Latar belakang pelajar, B – Persepsi tahap GCBM dalam P&P. Bahagian A, iaitu

latar belakang demografi pelajar dibentuk untuk mengumpulkan maklumat tentang diri pelajar berhubung dengan nama sekolah, tahap kemampuan membaca, tahap pengalaman berbahasa Melayu, tahap penguasaan tulisan dan kelulusan mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Bahagian B menyentuh persepsi pelajar-pelajar terhadap tahap ciri GCBM dalam P&P di dalam bilik darjah dan ketika aktiviti kurikulum dan kokurikulum di luar bilik darjah serta tahap motivasi dan minat pelajar terhadap pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.

Prosedur Pengumpulan dan Penganalisan Data

Data dalam kajian ini dikumpul dengan menggabungkan kaedah pengumpulan data dalam bentuk kualitatif daripada GCBM, pengetua, rakan sejawat mata pelajaran Bahasa Melayu dan pelajar-pelajar serta dokumen sekolah. Data kuantitatif dalam bentuk soal selidik kepada pelajar bertujuan menyokong dapatan kualitatif yang dikumpul oleh pengkaji (Kamarul, 2009; Zakaria, 2007; Nardi, 2003; McMillan & Schumacher, 2000; Babbie, 1990). Data kualitatif terdiri daripada kajian pelbagai kes dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur terhadap responden GCBM, pengetua, penolong kanan, ketua bidang, dan pelajar serta pemerhatian P&P dan analisis dokumen. Protokol temu bual separa berstruktur dibina untuk mendapatkan maklumat berkaitan hubungan latar belakang GCBM, P&P, sifat keperibadian dan motivasi. Protokol separa berstruktur digunakan agar soalan susulan boleh dikemukakan berdasarkan jawapan yang diberi oleh sampel kajian. Menurut Merriam (2001), soalan susulan sangat penting bagi penerokaan maklumat yang lebih terkini dan mendalam yang akan membantu pengkaji lebih memahami fenomena yang dikaji. Manakala data kuantitatif terdiri daripada kajian kes juga dengan penggunaan kaedah soal selidik pelajar.

Data temu bual serta analisis dokumen dianalisis dengan teknik perbandingan berterusan ciri GCBM berbantuan perisian N' Vivo. Dalam pendekatan kuantitatif pula, sebanyak 120 pelajar dipilih secara persampelan bertujuan. Borang soal selidik diedarkan kepada sampel kajian untuk melihat dapatan motivasi intrinsik dan ekstrinsik GCBM dan motivasi pelajar-pelajar ketika di dalam bilik darjah penyeliaan GCBM. Data yang diperolehi dianalisis dengan dibantu oleh program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0 dan dihuraikan secara deskriptif melalui skor min dan sisihan piawai.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini ingin mengetahui bentuk keperibadian yang diamalkan oleh GCBM di dalam bilik darjah dan sekolah serta mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pembawaan keperibadian GCBM di dalam bilik darjah.

Pola Keperibadian Guru Cemerlang Bahasa Melayu 1 Hingga Guru Cemerlang Bahasa Melayu 6 Sekolah Menengah Di Negeri Sarawak

Secara ringkas hasil dapatan kajian terhadap pola keperibadian Guru Cemerlang Bahasa Melayu 1 hingga Guru Cemerlang Bahasa Melayu 6 yang merangkumi sebahagian besar mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 1. Antara ciri keperibadian GCBM merangkumi keperibadian diri sendiri, keperibadian terhadap pelajar, keperibadian terhadap pengetua dan rakan sejawat mata pelajaran Bahasa Melayu serta keperibadian terhadap Tuhan. Antara keempat-empat aspek keperibadian GCBM tersebut, telah menunjukkan GCBM mempunyai ciri keperibadian diri iaitu akauntabiliti, aktif dalam bilik darjah, ambil hati, bahasa sopan dan lembut, baik hati, berdisiplin, berfikiran jauh ke depan, bermotivasi, bersemangat, bertanggungjawab, berusaha, sedaya upaya, ceria, datang awal ke sekolah, dedikasi, demokrasi, empati, etika, galakan, gigih, hubungan baik

masyarakat setempat, ikhlas, iman, inisiatif, jalan penyelesaian secara bersemuka, jujur, keakraban pelajar, keinginan diri, kerjasama, kesamaan, kesungguhan diri, ketekunan, kewibawaan, komitmen, membantu, mementingkan kualiti kerja, mementingkan kuantiti pelajaran, mementingkan masa, mementingkan penampilan diri, mementingkan setiap tugas, mendidik, menghargai pelajar, menghormati guru, menghormati pelajar, menghormati pengetua, mengutamakan kehendak pelajar, menurut perintah, mesra, mudah membantu, pemakaian, penampilan diri, penyabar, penyayang, peramah, perkongsian ilmu, perkongsian pengetahuan, prihatin, proaktif, proaktif bimbingan, sanggup membuat pembetulan, sentiasa membaca buku, sentiasa positif, sumbangan, tatakerja tersusun, tegas, teliti, terbuka, tidak cepat merungut, tidak kedekut, tidak melatah, tidak memaksa, tidak mematahkan semangat orang lain, tidak menengking, tidak meninggikan suara, tidak mudah putus asa, tidak pernah mengeluarkan kata tidak enak, tingkah laku sangat disenangi, visi dan yakin.

Bagi aspek keperibadian terhadap pelajar, hasil dapatan kajian menunjukkan kebanyakan GCBM kajian menunjukkan rasa pemilikan yang tinggi terhadap sekolah iaitu menghargai pelajar, mengutamakan kehendak pelajar, penyabar, prihatin, ambil hati membantu, mendidik, peramah dan tidak pernah mengeluarkan kata tidak enak. Ini dinyatakan oleh GCBM 1, GCBM 2, GCBM 3, GCBM 4, GCBM 5 dan GCBM 6. Ciri pertama yang ada pada kesemua GCBM kepada rakan sejawat dan ketua jabatan ialah menghormati guru dan menghormati pengetua. Kedua-dua ciri ini merupakan gambaran keselesaan GCBM bersama rakan sejawat dan pengetua mereka. Ciri kedua keperibadian GCBM kepada rakan sejawat dan ketua jabatan adalah proaktif. Amalan perkongsian maklumat dalam kalangan GCBM 1 hingga GCBM 6 kepada rakan sejawat dan ketua jabatan. Ciri keperibadian keempat kepada rakan sejawat dan ketua jabatan ialah kerjasama. Tingkah laku sangat disenangi. Ciri keperibadian kelima kepada rakan sejawat dan ketua jabatan ialah tingkah laku sangat disenangi. Berdasarkan analisis data, pengkaji mendapati bahawa keenam-enam GCBM memilih beriman sebagai akhlak murni mereka kepada Tuhan yang diaplikasikan dalam bentuk tindakan kepada pelajar, rakan sejawat dan tugas mereka. Rakan sejawat GCBM memberi penjelasan bahawa mereka adalah seorang guru yang iman. Ini adalah kerana guru yang iman bertindak akan komitmen dalam kerjaya. Mereka akan menunjukkan ciri yang terpuji dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah secara berterusa.

Pola Motivasi Guru Cemerlang Bahasa Melayu 1 Hingga Guru Cemerlang Bahasa Melayu 6 Sekolah Menengah Di Negeri Sarawak

Secara ringkas hasil kajian pengkaji terhadap pola motivasi Guru Cemerlang Bahasa Melayu 1 hingga Guru Cemerlang Bahasa Melayu 6 yang merangkumi sebahagian besar mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 2. Dapatan temu bual peserta kajian ini boleh dikategorikan kepada dua kategori, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik terutama yang diakui oleh GCBM 1 hingga GCBM 6 ialah memberi semangat, menyahut cabaran, penambahbaikan diri berterusan, sikap positif, tidak mematahkan semangat diri dan usaha sedaya berupaya. Motivasi menyahut cabaran juga merupakan motivasi intrinsik tertinggi dalam kalangan GCBM 1 hingga GCBM 6. Diikuti motivasi penambahbaikan diri secara berterusan, motivasi mempunyai sikap positif, motivasi tidak mematahkan semangat diri sendiri dan motivasi berusaha sedaya upaya. Motivasi ekstrinsik terutama yang diakui oleh GCBM 1 hingga GCBM 6 ialah gelaran guru cemerlang, ingin membantu pelajar, sokongan Panitia Bahasa Melayu, sokongan pengetua dan teladan orang lain. Sebagai rumusan, GCBM perlu mempunyai motivasi ekstrinsik dalam PdP kerana gelaran GC, ingin membantu pelajar, sokongan Panitia Bahasa Melayu, sokongan pengetua dan teladan orang lain. Semua

peserta kajian GCBM, pengetua, rakan sejawat dan pelajar sekolah telah menyatakan pandangan mereka tentang aspek motivasi GCBM di dalam bilik darjah bagi menarik pelajar mengikuti pelajaran yang diajar oleh GCBM. Antara yang dibincangkan ialah kategori motivasi intrinsik dan kategori motivasi ekstrinsik. Kepelbagaian motivasi yang sesuai ditunjukkan dalam bilik darjah bagi menarik dan mengekalkan minat pelajar dalam pembelajaran.

Persepsi Pelajar Terhadap Ciri Keperibadian Guru Cemerlang Bahasa Melayu 1 Hingga Guru Cemerlang Bahasa Melayu 6 Sekolah Menengah Di Negeri Sarawak

Dalam pendekatan kuantitatif pula, sebanyak 120 pelajar dipilih secara persampelan bertujuan. Borang soal selidik diedarkan kepada sampel kajian untuk melihat dapatan motivasi intrinsik dan ekstrinsik GCBM ketika di dalam bilik darjah penyeliaan GCBM. Data yang diperolehi dianalisis dengan dibantu oleh program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0 dan dihuraikan secara deskriptif melalui skor min dan sisihan piawai.

Jadual 1

Min dan Sisihan Piawai Persepsi Pelajar Terhadap Ciri Keperibadian GCBM Ketika PdP GCBM

CK	Ketika sesi pengajaran dan pembelajaran, guru Bahasa Melayu saya...	Min Purata	Sisihan Piawai
CK1	Menghormati pelajar	4.37	.692
CK2	Menjauhi perkara yang haram	4.37	.740
CK3	Suka merendahkan diri sendiri	1.98	.919
CK4	Sentiasa bersikap tenang	4.20	.826
CK5	Sentiasa kelihatan kemas penampilan diri	4.53	.728
CK6	Sentiasa mesra dengan pelajar	4.41	.768
CK7	Sedia membantu pelajar	4.51	.679
CK8	Sentiasa memberi bimbingan hidup kepada pelajar	4.17	.874
CK9	Sentiasa memberi semangat kepada pelajar	4.24	.897
CK10	Tidak suka mendenda pelajar	1.98	1.058
CK11	Sentiasa sabar apabila berhadapan dengan kelakuan pelajar	4.05	.972
CK12	Adil melayan semua pelajar	4.20	.943
CK13	Sentiasa menggalakkan sikap suka bersaing secara sihat di antara pelajar	3.46	1.304
CK14	Memupuk sikap kerjasama antara pelajar	4.15	.784
CK15	Sentiasa mengaitkan mata pelajaran Bahasa Melayu dengan mata pelajaran lain	2.85	1.201
CK16	Sentiasa prihatin terhadap masalah pelajar	3.85	.925
CK17	Jujur	1.46	.625
CK18	Menghargai kebolehan pelajar	1.68	.753
CK19	Mengetahui latar belakang saya	2.54	1.150
CK20	Akan bertanya sebab ketidakhadiran pelajar ke bilik darjah	3.53	1.344
CK21	Selalu menepati waktu masuk ke dalam bilik darjah	1.54	.857
CK22	Tidak mengasingkan pelajar berdasarkan jantina	1.59	.949
CK23	Seorang yang mesra	1.97	1.174
CK24	Menunjukkan contoh yang baik kepada saya	4.34	.822
CK25	Seorang penyayang	4.10	.941

Sumber: Adaptasi Borang Soal Selidik Kajian Kes daripada Mohd Izham (2006).

Item pilihan berdasarkan 5 skala, iaitu 1= Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Agak Setuju, 4= Setuju, 5= Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 1, didapati domain ciri keperibadian sentiasa kelihatan kemas penampilan diri menunjukkan nilai skor min yang lebih besar ($M = 4.53$, $SP = .728$). Domain ciri keperibadian jujur yang menunjukkan nilai skor min yang terendah ($M = 1.46$, $SP = .625$). Ini memberi gambaran bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai skor min pada tahap tinggi ialah domain ciri keperibadian sentiasa kelihatan kemas. Ini menunjukkan GCBM itu mempunyai kesedaran untuk menjaga kekemasan diri dengan memastikan pemakaian sentiasa kemas. Kesimpulannya dapatan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa Min keseluruhan ciri keperibadian GCBM ialah 3.36 dan sisihan piawai 0.917 tersebut secara keseluruhannya berada pada tahap skor min yang tinggi.

Borang soal selidik diedarkan kepada 120 sampel kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang belajar di bawah GCBM juga untuk mengenal pasti tahap motivasi pelajar di dalam bilik darjah. Data yang diperolehi dianalisis dengan dibantu oleh program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0 dan dihuraikan secara deskriptif melalui skor min dan sisihan piawai.

Jadual 2

Min dan Sisihan Piawai Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Motivasi Pelajar Ketika PdP GCBM

MM	Pada pandangan saya...	Min Purata	Sisihan Piawai
MM1	Bahasa Melayu lebih mudah dipelajari dan difahami berbanding dengan mata pelajaran lain	3.60	1.123
MM2	Saya berminat mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu	3.62	1.106
MM3	Saya sering berbincang dengan guru berhubung dengan masalah dalam Bahasa Melayu	3.23	1.140
MM4	Saya suka memberikan pendapat semasa sesi pengajaran Bahasa Melayu	3.13	1.157
MM5	Saya selalu memberikan tumpuan sepenuhnya semasa guru mengajar	3.62	1.043
MM6	Saya belajar Bahasa Melayu hanya untuk lulus peperiksaan	2.85	1.273
MM7	Saya terpaksa belajar Bahasa Melayu kerana mata pelajaran wajib	2.70	1.319
MM8	Pujian daripada guru mendorong saya melibatkan diri dalam aktiviti Bahasa Melayu	3.40	1.123
MM9	Hadiah daripada guru mendorong saya melibatkan diri dalam aktiviti Bahasa Melayu	2.93	1.233
MM10	Saya suka membuat latihan Bahasa Melayu	3.43	1.064
MM11	Saya yakin bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu adalah penting untuk pembentukan kecemerlangan diri saya	3.88	1.010
MM12	Saya akan berasa kecewa sekiranya tidak mencapai peratusan yang baik dalam Bahasa Melayu	4.33	.816
MM13	Saya belajar Bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh kerana ingin mendapat keputusan yang cemerlang	4.39	.720
MM14	Saya tidak kisah jika pencapaian Bahasa Melayu SPM saya hanya lulus sahaja	1.72	.825

Sumber: Adaptasi Borang Soal Selidik Kajian Kes daripada Mohd Izham (2006).

Item pilihan berdasarkan 5 skala, iaitu 1= Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Agak Setuju, 4= Setuju, 5= Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 2, didapati domain persepsi pelajar terhadap tahap motivasi pelajar terhadap PdP saya belajar Bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh kerana


ingin mendapat keputusan yang cemerlang menunjukkan nilai skor min yang lebih besar ($M = 4.39$, $SP = .720$) dan Saya tidak kisah jika pencapaian Bahasa Melayu SPM saya hanya lulus sahaja ($M = 1.72$, $SP = .825$) yang menunjukkan nilai skor min yang rendah. Ini memberi gambaran bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai skor min pada tahap tinggi ialah domain saya belajar Bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh kerana ingin mendapat keputusan yang cemerlang. Ini menunjukkan pelajar-pelajar itu mempunyai kesedaran untuk mencapai keputusan pelajaran yang cemerlang dalam diri pelajar. Tegasnya profil persepsi pelajar terhadap tahap motivasi pelajar terhadap PdP menunjukkan pelajar-pelajar dalam kajian ini mempunyai tahap motivasi yang baik. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar perlu diberi motivasi untuk mengelakkan sikap saya tidak kisah jika pencapaian Bahasa Melayu SPM saya hanya lulus sahaja untuk menggemblengkan keupayaan diri dalam kalangan pelajar untuk mengenal pasti tahap motivasi diri sendiri pelajar di dalam bilik darjah.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keperibadian GCBM dibahagikan kepada empat aspek, iaitu perwatakan diri, pelajar, pengetua dan rakan sejawat mata pelajaran Bahasa Melayu serta Tuhan. Kesemua GCBM mengamalkan 80 jenis ciri keperibadian di dalam bilik darjah dan juga sekolah. Antara ciri keperibadian GCBM terhadap pelajar, iaitu akauntabiliti, aktif dalam bilik darjah, ambil hati, bahasa sopan dan lembut, baik hati, berdisiplin, berfikiran jauh ke depan, bermotivasi, bersemangat, bertanggungjawab, berusaha, sedaya upaya, ceria, datang awal ke sekolah, dedikasi, demokrasi, empati, etika, galakan, gigih, hubungan baik masyarakat setempat, ikhlas, inisiatif, jalan penyelesaian secara bersemuka, jujur, keakraban pelajar, keinginan diri, kesamaan, kesungguhan diri, ketekunan, kewibawaan, komitmen, membantu, mementingkan kualiti kerja, mementingkan kuantiti pelajaran, mementingkan masa, mementingkan penampilan diri, mementingkan setiap tugas, mendidik, menghargai pelajar, menghormati pelajar, mengutamakan kehendak pelajar, menurut perintah, mesra, mudah membantu, pemakaian, penampilan diri, penyabar, penyayang, peramah, perkongsian ilmu, prihatin, bimbingan, sanggup membuat pembetulan, sentiasa membaca buku, sentiasa positif, sumbangan, tatakkerja tersusun, tegas, teliti, terbuka, tidak cepat merungut, tidak kedekut, tidak melatah, tidak memaksa, tidak mematahkan semangat orang lain, tidak menengking, tidak meninggikan suara, tidak mudah putus asa, tidak pernah mengeluarkan kata tidak enak, visi dan yakin. Antara keperibadian GCBM terhadap pengetua dan rakan sejawat, iaitu menghormati guru, menghormati pengetua, kerjasama, proaktif, perkongsian pengetahuan, tingkah laku sangat disenangi. Keperibadian GCBM terhadap Tuhan, iaitu beriman. Selain ciri keperibadian, motivasi juga merupakan ciri penting yang mendorong GCBM digelar sebagai guru cemerlang. Kesemua GCBM memberitahu bahawa ciri motivasi intrinsik dan ekstrinsik iaitu, anak murid sebagai anak kandung, Gelaran Guru Cemerlang, ingin membantu pelajar, melindungi pelajar, memberi semangat, menghasilkan bahan bantu mengajar, menyahut cabaran, penambahbaikan diri berterusan, pendapatan, persekitaran kerja, rakan, sikap positif, sokongan keluarga, sokongan Panitia Bahasa Melayu, sokongan rakan sejawat, teladan orang lain, tidak kecewa guru, tidak mematahkan semangat sendiri dan usaha sedaya berupaya.

Mengikut Rajah 2, Model Pembelajaran dan Pengajaran Berkesan Bahasa Melayu (MPPBBM) terdiri daripada Model Keperibadian Guru Cemerlang Bahasa Melayu kepada Tuhan (MKGCBMT), Model Keperibadian Guru Cemerlang Bahasa Melayu kepada Pelajar (MKGCBMP), Model Keperibadian Guru Cemerlang Bahasa Melayu kepada Diri Sendiri (MKGCBMDS), Model Motivasi Guru Cemerlang Bahasa Melayu (MMGCBM),

dan Model Keperibadian Guru Cemerlang Bahasa Melayu kepada Pengetua dan Rakan Sejawat Mata Pelajaran Bahasa Melayu (MKGCBMPRS). Kelima-lima model ini bertembung di dalam bilik darjah yang mengandungi MPPGCBM. Proses yang berlaku di MPPGCBM menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Model tersebut mempunyai sifat asas dan sifat sokongan. Sifat asas terdiri daripada dapatan pola menunjukkan semua Guru Cemerlang Bahasa Melayu memiliki sifat ini. Manakala sifat sokongan juga penting menunjukkan bahawa sifat sokongan mewakili sebahagian besar Guru Cemerlang Bahasa Melayu di Sekolah 1 hingga Sekolah 6.



Rajah 2. Model Pembelajaran dan Pengajaran Berkesan Bahasa Melayu (MPPBBM)

KESIMPULAN


- Kevin S.Floyd, Julie Santiago & Susan J.Harrinton. Improving I.S student engagement and perceived course value. *Proceedings of The Southern for Information Systems Conference, Charleston, SC, March 12th – 14th, 2009*:24-29
- Levin, J. & Fox, J.A. (2007). *Elementary statistics in social science research, (2nd edition)* New York: Allyn and Bacon.
- Mohd Yusof Abdullah. (2005). *Profesionalisme profesion perguruan, pemikiran pendidikan*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Yusof Abdullah, Muhamad Said Ambotang, Muhammad Suhaimi Taat & Roslee Talip. (2011). Guru penjana transformasi pendidikan negara. Utusan Borneo Minda Pendidik:(18/05/2011)
- Mohd Zaki Ishak. (2012). Transformasi pendidikan luar bandar di Sabah. *Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial*. Vol. 2(1): 125-137
- Muhammad Faizal A. Ghani & Julie Williams. (2014). Harapan murid bermasalah terhadap pengajaran guru: satu kajian awal di sebuah negara maju. *Juku; Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 2(1): 52-60
- Muhammad Rizqi Prasetyo, Amat Mukhadis & Sutijono. (2013). Komitmen guru dalam mengelola pembelajaran pada jurusan automatik SMK. *Jurnal Teknologi dan Kejuruteraan*, 36(2):173-186.
- Nikolaos Dovros & Vassilios Makrakis. (2012). Transforming The classroom a reflective community: a blended learning instructional approach. *Journal of Teacher Education for Sustainability*. *Journal of Teacher Education*, 14(2): 73-88.
- Nurul Izzati Azizi, Halimah Maalip & Noordin Yahaya. (2011). Perbandingan faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran antara sekolah di bandar dan luar bandar. *Journal of Education Management*. 1:34-47.
- Rosnarizah Abdul Halim & Hussein Hj Ahmad. (2015). Kepemimpinan distributif, faktor kontekstual dan efikasi sendiri guru di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 2(4): 92-104
- Safdar Rehman Ghazi, Gulap Shahzada, Muhammad Tahir Shah & Muhammad Shuib. (2013). Matter at secondary level in Southern Districts of Khyber Pakhtunkhwa, Pakistan. *Journal of Educational and Social Research*. 3(2): 453-460
- Seman Salleh. (2005). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: kajian kes di sebuah sekolah rendah di Daerah Jerantut, Pahang. *Jurnal IPBA*. 3(2): 84-93
- Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki Miskon. (2013). *Asas kepimpinan dan perkembangan profesional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia.
- Vincent Pang. (2005). *Curriculum evaluation. an application in smart school curriculum implementation*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

- Zalika Adam, Faridah Kassim & Mohamad Johdi Salleh. Memperkasakan pendidikan luar bandar. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*, 3-5 February 2009. Universiti Malaysia Sabah. 1-7
- Zenawi Zerihun. (2012). *Evaluating Teaching Quality in Higher Education: A Focus on Students' Learning Experiences*. Netherlands Organization: Center for Educational Training, Assessment dan Research (CETAR).

PELANDAI BULAN: TEMA

**NELSON TANDANG EDWIN UNTING¹, LING SNElus ANGKING²,
NGALAI BELAWING³, JAMES VALLEY MICHAEL HARRY⁴**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak

¹nelsonandang@yahoo.com, ²bujang_lalayang@yahoo.com,

³bngalaiibelawing@ymail.com, ⁴jamesvalley64@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang satu genre puisi lisan rakyat Iban, iaitu Pelandai Bulan yang belum pernah dikaji. Oleh itu, ia kurang mendapat perhatian daripada masyarakat Iban sungguhpun sering berkumandang saban hari melalui siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) Sarawak. Objektif kajian ini adalah untuk merungkai tema Pelandai Bulan. Kajian ini bersandar kepada Teori Strukturalisme yang telah mengupas tema tersurat dan tersirat dalam puisi ini. Data kajian diperolehi daripada kesemua dua belas buah Pelandai Bulan yang telah dirakanm oleh RTM Sarawak dan dianalisis dengan de Saussure's Chart dan J. Saldana's System Coding Methodology. Kajian mendapati bahawa tema Pelandai Bulan dapat dibahagikan kepada tema keseluruhan, tema khusus dan tema sampingan. Ini membantu pengkaji yang berminat dalam bahan kesusasteraan lisan masyarakat Iban untuk menjadikan puisi ini sebagai korpus akademik.

Kata kunci: Pelandai Bulan, teori strukturalisme, tema keseluruhan, tema khusus dan tema sampingan.

ABSTRACT

This study highlights the significance of an oral poetry in the Iban community. This traditional poem has never been studied academically although it is broadcast every morning at 6.10 by Radio Television Malaysia (Iban Section), Sarawak. Objectively, based on the theory of structuralism, this study looks into its theme in the Iban community. This data was collected through artifacts, interviews and literature reviews, then analyzed qualitatively using de Saussure's chart and J. Saldana's System Coding Methodology. The finding conveys messages which are related significantly to the yearly routine of paddy planting among Iban farmers as its general theme, specific theme and side theme. This study may be used as a reference and inspiration for the young Iban generations to treasure and appreciate this special poem in its community.

Keys word: Pelandai Bulan, theory of structuralism, general theme, specific theme and side theme

PENGENALAN

Pelandai Bulan dicipta oleh Duinging Anak Gunggu (Mendiang) yang berasal dari Nanga Ulai, Rimbas Debak dalam Bahagian Betong, Sarawak. Beliau dikatakan orang kampungnya sebagai seseorang yang memiliki perangai yang agak lain daripada orang lain. Beliau suka merantau sambil memperkenalkan pelbagai ciptaannya kepada rumah-rumah panjang dan daerah-daerah lain dalam Sarawak. Ini menyebabkan beliau menjadi buah mulut dalam kalangan masyarakat Iban. Tidak kurang yang menganggap beliau sebagai gila-gila kerana menghasilkan pelbagai ciptaan yang dikatakan tidak masuk akal pada waktu itu (Bagat Nunui, 2 Jun 2015).

Nama asal puisi ini ialah *Pantun Bulan*. Istilah "pantun" mempunyai persamaan dengan "Pantun Melayu" sungguhpun ia memiliki ciri-ciri yang berbeza. Untuk

menjadikan kajian ini lebih berfokus kepada kajian puisi masyarakat Iban maka penyelidik menggantikan istilah *pantun* dengan *pelandai*. Dengan penamaan baru ini maka identiti puisi ini lebih menonjolkan jati diri masyarakat Iban. Ini penting untuk mengelak kekeliruan dengan istilah pantun dalam masyarakat Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Menganalisis tema *Pelandai Bulan* dari aspek batiniah yang menekankan nada, perasaan dan amanat (Waluyo, 2003) sama ada yang tersurat atau tersirat.

TEORI KAJIAN

Untuk mengupas tema pengkaji bersandar kepada Teori Strukturalisme. Teori Strukturalisme yang dirujuk dalam kajian ini adalah berasal daripada ahli linguistik, Ferdinand de Saussure yang mengetengahkan cara berfikir tentang dunia melalui persepsi dan deskripsi berhubung dengan fenomena mitos dan ritual untuk melihat tanda (Siti Hajar Abdul Aziz 2009:235).

Dalam konteks kajian ini, kata yang dinilai adalah kata-kata atau perkataan dalam Bahasa Iban yang digunakan untuk membentuk *pelandai bulan*. Menurut Osup (2006:3-7) kajian yang mengupas dan menilai puisi rakyat dalam kehidupan sesuatu kaum harus menyeluruh langkauannya. Ini kerana elemen yang membentuk dan menyampaikan sesebuah puisi rakyat itu bukan sekadar fonem semata-mata. Fonem yang menghasilkan bunyi-bunyi yang bermakna itu terdiri daripada bahasa yang lengkap bentuknya yang harus dinilai dari aspek baris, rangkap, elemen prosodi dan elemen polysyndeton.

Pandangan Chemaline di atas disokong oleh Asmah Hj. Omar (2013: 295) yang menjelaskan bahawa

Natural languages have the capacity for maximal use for various purposes... often the description is poetic, taking into account not only the imagery in the form of similies, metaphors, etc. that are relevant to the object described, but great attention is also given to the harmony of the words in collocation with each other and the beauty of sounds that encase those words.

Data tentang tema akan dihuraikan melalui carta yang mengasingkan dengan terperinci setiap elemen yang akan mencerminkan mesej dan nada *Pelandai Bulan*. Jadual 1 menggambarkan bagaimana data diproses agar tema yang tersurat dan tersirat dalam *Pelandai Bulan* dapat ditonjolkan. Pemerosesan data melalui jadual ini memudahkan kita memahami bagaimana *Leka Main Pelandai Bulan* menyampaikan mesej dan makna yang mempunyai kaitan dengan kehidupan masyarakat Iban. Penyelidik akan menganalisis mesej dan nada yang terdapat dalam *Pelandai Bulan* sama ada mencerminkan atau sebaliknya kehidupan masyarakat Iban dari aspek ekonomi, politik dan budaya. Perkara ini sangat penting kerana aspek tema yang dikaji tentang *Pelandai Bulan* cuba untuk menjelaskan mesej atau amanat yang terkandung dalam puisi ini. Data yang telah diproses melalui carta pemerosesan tema yang akan memaparkan idea yang diterapkan dalam tema *Pelandai Bulan*. Ini akan merangkumi aspek pemikiran dan falsafah yang mempunyai perkaitan dengan kehidupan masyarakat Iban di Sarawak.

Jadual 1
Carta Pemerosesan Data Tema

Puisi (<i>Pelandai Bulan</i>)	Mesej	Nada
Contoh: <i>Manggul</i>	amanat dan pemikiran	menasihati, menyindir dan bercerita

(Sumber: Diubahsuai daripada Harun Jaafar, 2011: 119)

DAPATAN KAJIAN

Untuk menjawab objektif kajian ini, pengkaji telah mengupas subjek yang menjadi dasar dalam *Pelandai Bulan*. Dalam konteks kajian ini, unsur yang membentuk puisi ini ialah tema yang perlu dinilai dari aspek mesej dan nada. Untuk tujuan ini kesemua dua belas buah pelandai bulan ini telah dikupas secara berasingan supaya fakta dalam setiap *Pelandai Bulan* itu akan menyerlahkan temanya.

Jadual 2
Huraian Tema *Pelandai Bulan*

Puisi (<i>Pelandai Bulan</i>)	Terjemahan Bahasa Melayu	Mesej	Nada
<p>1-Jun Manggul <i>Aku deka belagu dinga kitai Dayak, Nampung Sengalang Burung Tuntung Menaul Rimba, Tu ga bulan satu kena kitai gawa, Nganjung ga paung burung temuda bali rimba, Ngintai nyawa Beragai kanan enggau kiba, Semua kitai sereta adi kaban aka, Kitai kereja umai seneka ati ka, Umai gaga besai rapas mata ga meda, Tebas ga kita badas miau kanan kiba, Mantap ga kitai jimat takutka kaki kena, Tebas ga anang besai panjai buka lima, Nganjung ga paung burung terubah kitai gawa, Menua ga tanah bukit menua tanah paya, Nada! salah alai tau alai gawa, Umai ga anang mindah tusah baka suba, Burung ga udah dianjung ngetu ga enda lama, Tiap ga ari empat sampai ngagai lima, Ngetu satu minggu baru kitai gawa, Udah ga kitai ngetu gawa sebarang tunga, Ngereja ga getah pera ngambi belanja kemaya nya, Tu ga naka jaku gerah kitai gawa, Semua kita ninga adi kaban aka.</i></p>	<p>(Pemilihan Tapak Huma) Dengar lagu aku wahai Dayak semua, Pesan dewa kita <i>Sengalang Helang</i> Rimba, Menjelang Bulan Satu, mari kita kerja, Mari kita hantar adat ritual petanda, Dengar bunyi <i>Beragai</i> itu omen kita, Mari wahai saudara rakan-taulan semua Turun ke tapak huma banting tulang bersama Tapak biar besar seluas pandangan mata, Tebaslah, ayun tangan, ke kiri kanan melata, Biar berhati-hati takut terkena kaki, Luasnya tapak huma, buka berdepa-depa Adat <i>paung burung</i> tanda mula kerja, Tanah kawasan bukit tanah kawasan paya, Luas tapak huma, hasil usaha kita Elak berpindah tapak, elak alam bencana, Sudah siap sedia rehatlah seketika, Jangan dihitung hari, terus kita usaha, Rehat satu minggu baru sambung kerja, Ketika ini usaha kerja sampingan, Kerja toreh getah, dapat tambah belanja, Sampailah di sini, ingat rajin kerja, Dengar adik-kakak abang rakan semua.</p>	<p><i>Pelandai Bulan</i> <i>Satu</i> ialah tentang aktiviti ritual pemilihan tapak huma dan juga menyampaikan mesej bekerjasama yang harus dipelihara. Amanat bukan sekadar mengingatkan bekerjasama malah perlu menjaga keselamatan dalam berkerja.</p>	<p>Amanat disampaikan oleh penyair dengan nada nasihat yang telus.</p>
<p>2-Julai Nasau <i>Aku deka belagu dinga semua Iban, Nampung Sengalang Burung Tuntung Menaul Buban, Tu ga bulan dua jaku chanduan, Nama ga bulan nebas ngupas alai</i></p>	<p>(Menebas) Dengar lagu aku, wahai s' mua Iban, Pesan Dewa kita, S'ngalang Helang Ubanan, Sekarang Bulan Dua, panggil <i>chanduan</i>,</p>	<p>Aktiviti <i>nasau</i> yang merupakan fasa kedua dalam kegiatan penanaman padi</p>	<p>Amanat disampaikan dengan terang dalam</p>

<p><i>betanam, Ngupas ga tulang bagas miau kiba kanan, Semua kitai sereta anang kitai cherayan, Indu enggau lelaki aya ga enggau akan, Tebas tanah munggu mega tanah emperan, Mantap ga kitai jimat anang kena pangan, Gawa anang berundang nyamai kitai bemalam, Tumu kitai gawa ari pukul enam, Ngusaika madang rambai champur enggau resam, Nebas ga anak raras nunu anak mepesan, Nebang ga kayu serang batang purang ruman, Netak ga randau rarak perugan ga mayuh dan, Munuh ga madang buluh perugan ga rintai enam, Pengawa ga kitai dayak teruba muai utan, Tu ga naka jaku dinga adi akan, Badu ga aku endu bejaku enggau nuan, Selamat ga wat igat mantap kiba kanan, Nebas ga udah badu lantang ngiga ikan.</i></p>	<p>Panggil bulan menebas, kupas tapak tanaman, Tulang kita banting, hayun kiri dan kanan, Kerja sama-sama, jangan ketinggalan, Wanita lelaki, pakcik sama rakan, Tebas tanah bukit, dan tanah hutan, Tebas hati-hati, jangan kena kawan, Elok kita bermalam, elak tak keruan, Subuh-subuh lagi, sudah di lapangan, Paku-pakis dan resam, tebas macam tumbuhan, Tebang pokok hutan, bakar bekas tebasan, Pokok yang ditebang, berma-cam panggilan, Ada akar tunjang, juga banyak dahan, Sama rumpun buluh, tidak ketinggalan, Kerja kita Dayak, mula bersih hutan, Cukup sampai sini, wahai adik rakan, Saya undur diri, bicara s'ma tuan, Doa s'lamat semua, terus ke-gi'atan, Selesai kita kerja, senang cari ikan.</p>	<p>masyarakat Iban. Namun, dalam amanatnya penyair turut menyelitkan peringatan tentang emansipasi wanita berkaitan kepentingan bekerjasama untuk pembangunan ekonomi, mengutamakan keselamatan dan mempelbagai-kannya cara menambah rezeki yang bersesuaian dengan persekitaran dalam kalangan masyarakat Iban.</p>	<p>bahasa yang mudah.</p>
<p>3-Ogos Nebang <i>Aku deka belagu dinga kitai Dayak, Nampung Sengalang Burung Tuntung Menaul Rimba, Tu ga bulan Tiga jaku orang kelua, Taun ga udah nyau anang kitai terunda, Nebang ga anang rindang ila umai mata, Bai bala menyadi sama enggau aka, Mantap ga kitai jimat anang ga kaki kena, Nebang ga kitai ngadang punggu ka ninggang pala, Nebang ga kayu purang mantap ga kayu kedemba, Kayu ga udah rebah dan tau reda, Kayu mayuh gelumu reda ulih kita, Batang bisi melintang serara ulih kita, Umai ga nadai jalai gaga baka tuga, Nebang ga anang rindang ila umai mata, Tunu ga enda angus jera ga taun suba, Umai ga kitai angus nyamai ga kitai gawa, Umai sebarang alai dudi tanah paya, Bukit ga dulu mimit paya ga dudi gaga, Tu ga naka jaku dinga adi aka, Pulai ga aku wai kita ga duduk dia, Badu ga aku endu gawa kitai pagila.</i></p>	<p>(Menebang) Dengar lagu aku, wahai Dayak semua, Pesan Dewa Sengalang, Sang Helang Rimba, Orang dulu sebut, sekarang Bulan Tiga, Tahun tak menunggu, jangan kita leka, Tebang jangan leka, takut huma binasa, Mari rakan semua, abang ikut sama, Tebas hati-hati, elak kaki kena, Waspa-da me-nebang, dahan kena kepala, Tebang kayu Purang, potong kayu Kedemba, Batang juga dahan, kemaskan semua, Longgok bekas tebang, jangan timpa-timpa, Batang yang melintang, bersih biar rata, Huma tak berdenai, jalan perlu ada, Tebang jangan leka, elak sawah binasa, Ingat tahun lalu, bakar tak sempurna, Tanah hangus rata, senang kita kerja, Huma mana-mana, nanti tanah paya, Bukit dulu usa-ha, nanti tanah paya, Cukup sampai sini, wahai rakan s'dara, Mohon undur diri, kamu masih sana, Cukup adik semua, esok kita kerja.</p>	<p>Aktiviti menebang yang tidak boleh dilenggahkan kerana akan memberi kesan langsung kepada proses menanam padi seterusnya. Isu berkaitan emansipasi wanita dalam <i>pelandai bulan</i> ini merupakan perkara yang dilihat oleh penyair sebagai elemen penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat Iban, khasnya dari aspek penglibatan wanita dalam bidang penanaman padi atau pertanian.</p>	<p>Amanat mudah dan jelas difahami, namun masih mengekalkan nilai puitis di dalamnya.</p>
<p>4-September Belanggang Reban <i>Aku deka belagu kita anang memunyi, Nampung Sengalang Burung Ijau</i></p>	<p>(Membiarkan Kering) Dengar lagu aku, mohon senyap sunyi,</p>	<p>Aktiviti membakar bekas tebang</p>	<p>Amanat disampaikan</p>

<p><i>Burung Kami, Umai ga balat mirah kayu ga baru mati, Tebang ga sida bujang bala sida laki, Umai ga kitai besai balat lantang ati, Reban ga kitai langgang tiga puluh hari, Umai ga udah rangkai kayu lama mati, Tu ga kitai nunu api balat menyadi, Kemarau udu nyampau panas sepuluh hari, Baru kitai nunu ngintai kai mimpi, Nunu ga baum manah anang belah hati, Kitai ngiga pemakai ila abis mati, Umai mesti panjang jalai digaga titi, Ulu dulu selup nanga nya dudi, Nya pengawa ngena nadai ga jalai mati, Tu ga naka jaku ngajar ga megai api, Kereja ga getah pera gawa ga lantang hati, Gawa ga enda lama semina setak hari, Ulih ga duit mimit kena meli roti, Bekal gawa nugal kitai lelaki, Kena meli lauk manuk ga enggau babi, Ti ga bisu lebih pakai ga dudi hari.</i></p>	<p>Pesan Dewa <i>Sengalang</i>, Sang <i>Ijau Kanji</i>, Huma warna merah, kayu baru mati, Tebang si bujang, sama yang bebini, Huma nan meluas, me-nye-nangkan hati, Tebasan di-ke-ring, tiga puluh hari, Tapak sudah kering, kayu sudah mati Bila kita bakar, api sangat jadi, Panas sudah lama, kira s'puluh hari, Belum kita bakar, ikut tanda mimpi, Bincang belum bakar, elok satu hati, Kita cari rezeki, elak habis mati, Huma nan meluas, denai ada titi, Hulu bakar dulu, hilir bakar nanti, Itu langkah bijak, elak kita mati, Cukup sampai sini, ingat kawal api, Toreh pokok getah, kerja senang hati, Kerja tidak lama, hanya s'paruh hari, Dapat duit rezeki, kita beli roti, Bekal tanam padi, para le-laki, Kita makan nasi, lauk boleh beli, Jika duit lebih, simpan yang baki.</p>	<p>dan tebasan yang an dengan perlu dilakukan bahasa dengan tatacara yang yang berhemah mudah dengan mengambil dan telus. kira kerjasama yang jitu antara ahli masyarakat kaum petani tanpa mengira jantina dalam kalangan orang Iban. Menyelitkan subtema tentang mencari rezeki melalui aktiviti menoreh getah dan turut mengingatkan pendengar agar mengamalkan sikap menabung untuk kegunaan masa depan.</p>
<p>5-Oktober Ngelabuhka Benih <i>Aku deka belagu munyi lemait hari, Tu ga bulan Lima gawa nanam padi, Melap jari jampat padam daun api, Nya ga adat daya teruba dunya nyadi, Diau ga udah lama dua tiga hari, Langkau lalu gaga pasang kajang kudi, Kitai ga gawa umai anang pulai hari, Nugal ga tubuh sampal indu enggau lelaki, Unggal ga dulu nugal bini iya dudi, Nugal ga anang jarang gaga tulang kaki, Benih ga anang besai padi kitai rugi, Rangkang ga buai magang tunu ga enggau api, Kitai ga nyamai nugal gawa ga lantang ati, Dara ga ati gaga nadai ngachau kaki, Batang ga udah buai umai kitai tuchi, Nugal ga udah badu tau nanam ubi, Umai ga tanam abis baka enggau padi, Ubi udah bebuah kena nupi babi, Kitai ga tau makai sama asai padi, Tanak ga enggau minyak simpan dalam kali, Tu ga naka jaku nanyi nanam padi, Pagila ga kitai gawa indu enggau lelaki, Nurun sama sereta bejalai betunda udi,</i></p>	<p>(Menugal) Dengar lagu aku, bak senja hari, Tiba Bulan Lima, musim ber-padi, Rasa baru lagi, kita padam api, Adat asal Dayak, sejak dulu lagi, Rehat sudah lama, dua tiga hari, Pondok kita diri, atap kajang beli, Kita kerja huma, elak balik hari, Kita kerjasama, wa-nita lelaki, Isteri beri benih, ikut tugal suami, Tugal jangan jarang, sukat kira kaki, Benih ikut patut, nanti kita rugi, Ranting kita buang, bakar dalam api, Huma kita bersih, kerja senang hati, Gembi-ra si dara, tak sangkut kaki, Bersih tapak huma, batang hangus mati, Tugal sudah siap, kita tanam ubi, Tanam banyak-banyak, sama macam padi, Binatang nak makan, beri buah ubi, Kita boleh makan, sama rasa nasi, Goreng sama minyak, masak dalam kuai, Cukup sampai sini, lagu tanam padi, Esok kita kerja, wa-nita lelaki, Turun sama-sama, jalan satu hati.</p>	<p>Aktiviti menugal atau menanam padi. Masyarakat Iban turut diingatkan agar sentiasa berusaha menambahkan sumber rezeki melalui aktiviti pertanian yang lain seperti tananaman kontan. Menyelitkan mesej tentang kepentingan peranan wanita dalam aktiviti pertanian masyarakat Iban. Mengetengah-kan isu sosiobudaya masyarakat dengan menonjolkan isu kehidupan yang terjadi dalam lingkungan masyarakat Iban di sekitarnya.</p>
<p>6-November Mantun <i>Aku tu belagu dinga endu endun, Tu ga bulan enam jaku ga tangan taun, Nampung Sengalang Burung Tuntung Menaul Chelum, Kitai gawa umai sama sereta nurun, Endu ga beri duku kena iya mantun, Unggal ga ngema bekal sama enggau bikung, Pagi ga kitai dani nurun anang laun, Kita ga enggai gawa rumput ga bedau sum,</i></p>	<p>(Merumput) Dengar lagu aku, wahai si dara, Ini Bulan Enam, tengah tahun tiba, Pesan Dewa <i>Sengalang</i>, Helang Hitam Rimba, Kita kerja huma, turun sama-sama, Gadis beri sabit, rumput tunggu dia, Kawan bawa bekal, sabit bawa sama, Bangun awal-awal, jangan kita leka, Jika tak ke huma, padi tak dibaja, Duit habis saja, rumput tunggu kita, Ajak anak muda, turun sama-sama,</p>	<p>Aktiviti merumput Selain itu, penyair menyelitkan tema sampingan seperti menggalakkan penglibatan kaum wanita dan pemuda dalam aktiviti bersawah padi serta mengingatkan</p>

<p><i>Belanja ga abis nyaya nadai dipakai mantun, Wat nya enda ringgat lalu besikap nurun, Aram kitai mupuk nama gaga laun, Ila ga hari tinggi nadai alai mantun, Jaku ga sida endu bala sida endun, Mai kitai pulai bejaku mai baum, Nyara ari gawa lama udah turun, Gawa ga udah badu jaku badu mantun, Rumput ga mati abis padi balat chelum, Dara ati gaga ketawa mulut tuchum, Retak ga udah galak sama enggau entimun, Megai kereja umai nadai tau laun, Nya pengawa lama berapa puluh peturun, Badu ga aku bejaku enggau nuan endun, Pagila kitai gawa sama sereta nurun.</i></p>	<p>Mari kita kerja, jangan kita leka, Nanti tinggal hari, hasil tak berapa, Berkata si gadis, ajak sama-sama, Balik rumah nanti, bincang sama kita, Tinggal kerja huma, cuma kejap saja, Siap bersih rumput, hati kita suka, Rumput habis mati, padi hijau saja, Gembira si dara, hati suka cita, Subur kacang panjang, mentimun sama juga, Elak lengah lagi, huma tunggu kita, Kerja turun-temurun, sejak dulu kala, Cukup sampai sini, wahai dinda semua, Esok turun huma, kita kerjasama.</p>	<p>kaum petani agar sentiasa berusaha untuk mencari rezeki dengan pelbagai cara meskipun penanaman padi itu adalah keutamaan.</p>
<p>7-Disember Begantung Senduk <i>Aku deka belagu munyi hari lemai, Nampung Sengalang Burung Tuntung Menaui Sungai, Nyara ga ada taya ngerintai pengawa umai, Padi ga bisi ngandung bisi ga udah murai, Bulan begantung senduk jaku orang tuai, Kitai diau di rumah nadai bisi makai, Mansang ga ngagai tanah padi pansut tangkai, Dia kitai merinsa nadai agi pemakai, Begiga ke barang tunga nadai salah alai, Meli anak padi ngagai orang bukai, Nanggung satu sintung nganti ga taun datai Tambah ga enggau getah kena meli pemakai, Ngereja getah pera biak ga enggau tuai, Indu enggau lelaki nadai tau enggai, Gawa ga ari pagi sampai ngagai lemai, Enda kereja pera nanam macham utai, Perintah selalu ngerah bilang hari lemai, Lebuh pengawa lepa enda kereja umai, Dia kitai gawa ngaga barang utai, Tu ga naka jaku badu aku wai, Pagila ga kitai gawa ngaga macham utai, Tulat sama angkat pulai ngagai apai, Nanya pengawa ngena nama kereja kitai.</i></p>	<p>(Kekurangan Beras) Dengar lagu aku, bak senja hari, Pesan Dewa Sengalang, empu-nya tradisi, Hurai adat Dayak, juga kerja padi, Di huma pula, nak bebuahnya padi, Bulan gantung senduk, yang tua mengingati, Kita di rumah, tidak ada nasi, Jenguk kita huma, padi nak berisi, Kini kita rasa, hidup tiada nasi, Jalan mana-mana, cari suap nasi, Orang kita jumpa, untuk beli padi, Bakul kita bawa, mari sana-sini, Getah kita toreh, bantu tambah rezeki, Toreh pokok getah, sama muda-mudi, Wanita lelaki, mesti satu hati, Kita kerjasama, sejak dari pagi, Tidak toreh getah, tanam tambah rezeki, Sering kita dengar, kata-kata menteri, Guna masa lapang, kita tambah rezeki, Kerja kita buat, banyak sana-sini, Cukup sini dulu, lagu saya nyanyi, Esok kita kerja, cari suap nasi, Tiba dan waktunya, kita akan pergi, Tuhan tanya kita, sumbangan duniawi.</p>	<p>Aktiviti sampingan sementara menunggu padi mengeluarkan hasil atau masak dan boleh dituai. Menghadapi pelbagai cabaran kerana kekurangan bekalan padi dan terpaksa melakukan pelbagai aktiviti untuk meneruskan kehidupan. Kepentingan kaum wanita dan kaum muda dilibatkan dalam aktiviti mencari rezeki. Mesej kerjasama tanpa mengira jantina dan usia ini penyair sampaikan dengan menyelitkan unsur keagamaan yang percaya kepada alam roh. Setiap manusia bertanggungjawab terhadap perbuatannya dan akan dihakimi apabila tiba masanya kita meninggalkan dunia ini.</p>
<p>8-Januari Matah <i>Aku deka belagu nyawa ga enda manah, Nampung Sengalang Burung Tuntung Menaui Mirah, Padi ga kitai mansau bisi udah di tengah, Tu ga bulan Lapan tau kitai matah, Ngena ga tambak nendak terubah baru</i></p>	<p>(Ritual Permulaan Menuai Padi) Dengar lagu aku, agak serak basah, Pesan Dewa Sengalang, Sang Helang Merah, Padi kita kuning, ada di tengah, Ini Bulan Lapan, mula ritual matah, Ritual <i>tambak nendak</i>, belum kita langkah,</p>	<p><i>Pelandai Bulan Lapan</i> berkisar pada tema <i>matah</i> dan <i>nyumba</i> (ritual permulaan menuai padi) yang harus dilakukan</p> <p>Nasihat yang terang dengan bahasa yang mudah.</p>

<p><i>berengkah, Jadi makai padi mai pulai ke rumah, Nendak burung bagak kena kitai pindah, Kena ga kitai ila pindah ga ngagai rumah, Ngepung padi tedung ngetau pulut mirah, Padi kitai mansau setengah udah mirah, Kumai kitai wai bejalai lubah-lubah, Ibu nya dulu tuai kitai matah, Ngepung padi tedung dilambung belakang tanah, Ngetau padi randau mansau balat mirah, Bejalai ga nuan wai begerah kitai serumah, Mansang ngagai umai bejalai lubah-lubah, Nya ga jaku kita deka mansang matah, Jadi ga mai padi datai ngagai rumah, Nyumba ga enda lama hari udah di tengah, Tu ga naka jaku matah tu udah, Ngetu satu minggu baru kitai berengkah</i></p>	<p>Padi kita tuai, hasil bawa rumah, Tanda burung <i>Nendak</i>, baik tunjuk arah, Hasil kita tuai, bawa balik rumah, Ikat padi <i>tedung</i>, tuai pulut merah, Padi kita masak, ada sudah merah, Kita turun huma, hati-hati langkah, Bonda jadi ketua, dia pimpin langkah, Tuai <i>padi tedung</i>, dari hujung tanah, Tuai padi akar, masak sudah merah, Marilah saudari, ajak kita serumah, Sama hati-hati, kita atur langkah, Ini kata perangsang, mula ritual <i>matah</i>, Padi kita tuai, bawa balik rumah, Mula kita tuai, harinya setengah, Cukup sampai sini, sudah ritual <i>matah</i>, Rehat satu minggu, baru kita langkah .</p>	<p>dengan teliti agar semangat atau roh padi merestui aktiviti ini dan memberkati hasil tuaian.</p>
<p>9-Februari Ngetau <i>Aku deka belagu aka kaban adi, Kita ga duduk dia anang agi betundi, Nampung Sengalang Burung Tuntung Menaul Sidi, Padi kitai mansau udah tau diambil, Ma ga tau gaga sama enggau lanjji, Ketap ga tau sikap kena kitai ngambi, Ma gaga tali ganti kai jai, Diau ga udah lama nadai danti agi, Padi udah rebah balat ga enda rimpji, Jera ke taun suba tusah nadai asi, Makai kitai nadai bepadi sama diri, Ngetau anang diau aka kaban adi, Berunggu satu minggu anang ngetu sekali, Putik ga silik-silik seleka kena ambi, Simpan ga ngagai sintung ma ga enggau lanjji, Laki ga ngema padi ngambi ga dua kali, Ngetau udah badu mepeli agi bisji, Padi udah abis nadai tinggal agi, Ubi ga tau kali kena nupi jani, Manuk ga deka mantuk sebaka makai asi, Tu ga naka jaku aku badu agi, Pulai aku wai kita agi nganti, Aku datai baru ngena lagu siti.</i></p>	<p>(Menuai Padi) Dengar lagu aku, saudara saudari, Kamu duduk situ, sama pasang hati, Pesan <i>Dewa Sengalang</i>, empunya tradisi, Padi kita masak, mari tuai padi, Kita sedia bekas, keranjang bawa sekali, Kita sedia ketam, perlu bawa sekali, Bakul sedia tali, rosak perlu ganti, Rehat sudah lama, apa tunggu lagi, Cuma tak pipih, re-bahnya padi, Ingat tahun lalu, susah tiada nasi, Rayu minta padi, dari sama diri, Tuai sama-sama, kerja sungguh hati, Terus satu minggu, jangan rehat sekali, Kutip habis-habis, jangan tinggal biji, Bawa dengan bekas, keranjang bawa sekali, Suami angkut padi, ulang dua kali, Hujung musim tuai, mentah ada lagi, Selesai kita tuai, padi tiada lagi, Ubi dapat gali, binatang sama beri, Ayam mahu makan, sama rasa nasi, Cukup sampai sini, saya minta diri, S'lamat tinggal dulu, sampai jumpa lagi, Nyanyi lagu baru, boleh sentuh hati.</p>	<p>Kesinambungan-aktiviti di huma selepas musim menuai. Menuai padi yang agak lambat masak daripada yang lain yang dipanggil 'mepeli'. Masyarakat Iban turut diingatkan bahawa pemeliharaan binatang seperti ayam yang merupakan sumber rezeki yang perlu diberi perhatian. Penanaman ubi kayu di kawasan huma sebab ini juga berperanan sebagai makanan binatang peliharaan.</p>
<p>10-Mac Bulan Empalai Rubai <i>Aku deka belagu dinga semua kita, Ngetau udah badu apin sangat lama, Nampung Sengalang Burung Tuntung Menaul Rimba, Endu ga beri duku kena empalai taya, Munsi anak jerami semak kaki tangga, Nama umai empalai jaku orang kelua, Alai ga nanam padi champur ga enggau taya, Bala sida dara sama sereta gawa,</i></p>	<p>(Tanaman Kontan) Dengar lagu aku, wahai kamu semua, Padi habis tuai, belum b'gitu lama, Pesan <i>Dewa Sengalang</i>, Sang Helang Rimba, Gadis beri parang, untuk dia kerja, Bersih tapak jerami, dekat dengan tangga, Jerami kita pagar, ikut dulu kala, Tapak tanam padi, kapas sama juga, Si anak dara, turut sama kerja,</p>	<p>Menghuraikan dengan terperinci aktiviti selepas menuai seperti menanam tanaman kontan dan sayur-sayuran yang boleh menambahkan rezeki. Menonjolkan peranan kaum</p> <p>Nada peringatan dan nasihat yang disampaikan secara jelas dengan bahasa</p>

<p><i>Mabut ga rumput bubut munuh rumput teka,</i> <i>Ensiang pun bunga ngiga ga panduk lia,</i> <i>Endun tau betenun ngaga baju taya,</i> <i>Endat ga landik ngebat ngaga pua mata,</i> <i>Endu ga ngaga kumbu ngira tali taya,</i> <i>Peling ga enggau gasing pusin enda lama,</i> <i>Jalai tusah besai menua agi siga</i> <i>Menua ga mayuh munshu belaya</i> <i>ngelaban sida,</i> <i>Ngetau ga udah badu apin sangat lama,</i> <i>Tu ga bulan sepuluh bulan empalai taya,</i> <i>Ingat orang tuai jaku orang kelai,</i> <i>Padi ga bulih mimit nyangka chukup empa,</i> <i>Badu aku bejaku dinga kita dia,</i> <i>Pulai ga aku wai pagila kitai gawa.</i></p>	<p>Cabut rumput <i>bubut</i>, rumput <i>kutu</i> juga, Rumput pokok bunga, cari anak halia, <i>Endun</i> pandai tenun, kapas jadi k'meja, <i>Endat</i> pandai sulam, hasil kain <i>pua</i>, <i>Endu</i> pandai pintal, kapas buat <i>pua</i>, Puisng bak gasing, tunggu tidak lama, Tempat kurang aman, ada yang bahaya, Perlu hati-hati, musuh mana saja, Tuai telah selesai, belum b'gitu lama, Sekarang Bulan Tiga, kapas kita us'ha, Ikut zaman dulu, kata orang tua, Padi ada s'dikit, mungkin tahan lama, Mohon undur diri, wahai rakan semua, Cukup sampai sini, esok kita kerja.</p>	<p>wanita dituntut menggunakan masa yang ada dengan bijaksana seperti menghasilkan kain '<i>pua kumbu</i>' yang merupakan identiti kaum Iban. Ini salah satu aspek yang menonjolkan emansipasi wanita dalam usaha mempertingkatkan kehidupan masyarakat Iban dari aspek ekonomi.</p>	<p>yang mudah.</p>
<p>11-April Bulan Berangkut <i>Aku deka belagu mayuh ga utai sebut,</i> <i>Nampung Sengalang Burung Tuntung</i> <i>Menaui Bubut,</i> <i>Ngetau ga udah badu patut kitai berangkut,</i> <i>Ngema ga padi paya ngangkut ga padi pulut,</i> <i>Adi ga mai lanjji sama enggau uyut,</i> <i>Aya ga mai ma sereta enggau kambut,</i> <i>Putik silik-silik selesa pan jeput,</i> <i>Kitai datai ila padi lalu puput,</i> <i>Ngema bepaut pala asai ka luput,</i> <i>Bejalai ga niki bukit alit ga seput,</i> <i>Bejalai ga nurun bukit kaki ga tesangkut,</i> <i>Berunggu satu minggu tulang ga nyau lembut,</i> <i>Ngema ga padi paya ngangkut ga padi pulut,</i> <i>Ikak kelalu lelak tulang beketengut,</i> <i>Sebana ga sida dara bejaku baka guut,</i> <i>Manuk ga baka rauk apin abis angkut,</i> <i>Babi baka chai munyi baka dengut,</i> <i>Indah kelalu suah kereja main berangkut,</i> <i>Padi ga nadai agi udah abis diangkut,</i> <i>Ati ga kitai lantang pengidup ga udah chukup,</i> <i>Badu ga aku endu bejaku enggau mulut,</i> <i>Ila ga kitai gawa ngiga jalai beridup</i></p>	<p>(Membawa padi ke rumah) Dengar lagu aku, c'loteh macam sebut, Pesan Dewa <i>Sengalang</i>, Sang Helang <i>Bubut</i>, Habis kita tuai, masa kita angkut, Bawa padi paya, pikul padi pulut, Adik bawa bekas, keranjang pengangkut, Pak cik bawa raga, guni sama ikut, Tuai bersih-bersih, nampak macam k'dekut, Sampai di rumah, padi perlu ribut, Pikul banting tulang, rasa lemah lutut, Langkah naik bukit, nafas jadi sempit, Langkah turun bukit, kaki pula sangkut, Terus satu minggu, tulang rasa lembut, Pikul padi paya, bawa padi pulut, Leti sangat-sangat, tulang rasa kerut, Gadis me-rajuk, macam nak merungut, Ayam mula bisung, tunggu nak diangkut, Binatang yang lain, sama mahu ikut, Sudah kerap sungguh, kita kerja angkut, Akhir s'lesai juga, padi kita angkut, Wajah nampak ceria, dahi tak berkerut, Cukup sampai sini, mohon tutup mulut, Esok kita kerja, untuk suap mulut.</p>	<p>Aaktiviti mengangkut hasil tuaian dari sawah ke rumah menunjukkan penglibatan masyarakat tanpa mengira usia dan jantina. Gambaran sosiobudaya masyarakat Iban yang menjadikan bersawah padi sebagai sumber asas untuk meneruskan kesinambungan hidup. Pelbagai nasihat dan peringatan oleh penyair agar beroleh kejayaan yang maksimum dari hasil huma.</p>	<p>Peringatan dan nasihat yang jelas dengan bahasa yang mudah.</p>
<p>12-Mei Bulan Kelelang <i>Aku deka belagu dinga semua orang,</i> <i>Gelumu ga sida indu sama enggau bujang,</i> <i>Nampung Singalang Burung Tuntung</i> <i>Menaui Lang,</i> <i>Bulan dua belas dama bulan lelang,</i> <i>Ngetau ga udah badu ati kitai lantang,</i> <i>Kitai ga hari besai nunda bansa orang,</i> <i>Belumba main belanda ngujika tulang,</i> <i>Sapa kitai kering nya ga menang,</i> <i>Ngerintai adat gawai kitai ngambi</i></p>	<p>(Bersantai) Dengar lagu aku, wahai semua orang, Kumpul anak dara, juga yang bujang, Pesan Dewa <i>Sengalang</i>, Sang Raja Helang, Bulan dua belas, panggil Bulan Senggang, Tuai telah s'lesai, hati kita senang, Kita raya sama, s'perti lain orang, Tanding lumba lari, uji kuat tulang, Siapa yang kuat, dia akan menang, Anjur hari besar, kita jemput orang,</p>	<p>Menasihati masyarakat Iban tentang aktiviti merayakan hasil sawah serta menggunakan masa lapang dengan bijak agar dapat membantu dalam pembangunan</p>	<p>Nasihat dan peringatan yang jelas.</p>

<p>orang, <i>Gerah ga bilang rumah kitai sama ngadang,</i> <i>Kitai hari besai dama bulan lelang,</i> <i>Tiap udah genap nadai bisi kurang</i> <i>Dia kitai ga meeting runding sama terang,</i> <i>Ngaduka adat baru nunda bansa orang,</i> <i>Nyimpan ga dama bulan nadai tau ilang,</i> <i>Nyara dama pengawa nadai tau kurang,</i> <i>Niap ga dama surat semua nemu magang,</i> <i>Sekula ngaga angka dara enggau bujang,</i> <i>Tusah baka ke udah alah laban orang</i> <i>Duit kitai mimit ni tau menang,</i> <i>Nginjau kelalu nyampau tusah mayar utang.</i></p>	<p>Kita umum semua, orang rumah panjang, Kita sambut hari, nama Bulan Senggang, Hitung biar genap, jangan sampai kurang, Kita sama bincang, biar jelas terang, Wujud adat baru, ikut bangsa orang, Ingat nama bulan, biar tidak hilang, Hurai jenis kerja, biar jelas terang, Baca, kira, eja, tahu semua orang, S'kolah ajar kira, dara dan bujang, Ingat masa dulu, kalah kena orang, Duit kita s'dikit, mana boleh menang, Pinjam banyak sangat, susah bayar hutang.</p>	<p>ekonomi. Ini gambaran sosiobudaya masyarakat yang berlaku di sekitar kehidupan penyair pada masa itu. Menerapkan kepentingan pendidikan, kepentingan bersatu mencapai keputusan, bijak menggunakan masa dan menghargai peranan wanita dalam sosiobudaya masyarakat Iban.</p>
---	--	---

Huraian terperinci berkaitan dapatan kajian tentang tema *Pelandai Bulan* yang dirumuskan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa puisi ini mempunyai tema keseluruhan, tema khusus dan tema sampingan. Kesemua dua belas buah *Pelandai Bulan* memiliki tema keseluruhan yang menceritakan tentang aktiviti berhuma dalam kalangan masyarakat Iban. Penyair berjaya menyusun dengan terperinci aktiviti dan proses menanam padi bermula dari pemilihan tapak pada *Pelandai Bulan Manggul* hinggalah kepada majlis keraian menghargai usaha dan hasil huma seperti yang diceritakan dalam *Pelandai Bulan Kelelang*. Jadi, dapat disimpulkan bahawa tema keseluruhan *Pelandai Bulan* ialah tentang aktiviti penanaman padi dalam kalangan masyarakat Iban.

Tema khusus dapat dibahagikan kepada dua belas perkara. Ini bermula dengan *Pelandai Bulan Manggul* yang menceritakan tentang aktiviti dan ritual pemilihan tapak huma, *Pelandai Bulan Nasau* berkaitan aktiviti membersihkan pokok renek dan rumput di tapak yang telah dipilih, *Pelandai Bulan Nebang* yang menceritakan aktiviti menebang pokok untuk dijadikan tapak huma, *Pelandai Bulan Belanggang Reban* pula menceritakan aktiviti ketika menunggu bekas tebasan dan tebang kering untuk dibakar, *Pelandai Bulan Ngelabuhka Benih* menceritakan tentang aktiviti dan ritual permulaan menanam padi, *Pelandai Bulan Mantun* adalah tentang aktiviti merumput, *Pelandai Bulan Begantung Senduk* menceritakan tentang situasi yang dihadapi oleh masyarakat kaum petani dalam kalangan orang Iban ketika menunggu padi boleh dituai (Kebanyakan masyarakat Iban menghadapi masalah kerana hasil tuaian tahun lepas sudah habis), *Pelandai Bulan Matah* menceritakan tentang aktiviti dan ritual yang harus dilakukan sebagai permulaan menuai padi, *Pelandai Bulan Ngetau* menceritakan aktiviti ketika musim menuai padi, *Pelandai Bulan Empalai Rubai* memberi tumpuan kepada aktiviti selepas selesai menuai padi, *Pelandai Bulan Berangkut* adalah tentang aktiviti membawa hasil tuai ke rumah dan aktiviti menyimpan padi dan *Pelandai Bulan Kelelang* pula menceritakan tentang aktiviti perayaan selepas menuai padi.

Tema sampingan dapat dikesan pada setiap *Pelandai Bulan* dan sering juga berulang pada pelandai bulan yang lain. Ini dapat dibuktikan dengan tema sampingan yang menceritakan tentang peranan wanita dalam sosioekonomi masyarakat Iban. Penyair sering menonjolkan kepentingan peranan wanita seperti dalam puisi *Pelandai Bulan Nasau*, *Ngelabuhka Benih*, *Mantun*, *Begantung Senduk* dan *Matah*. Penyair juga turut menyelitkan tema sampingan tentang kepentingan pendidikan seperti yang terdapat dalam *Pelandai Bulan Kelelang*. Isu berkaitan sosioekonomi banyak disentuh dalam *pelandai bulan* seperti dalam *Pelandai Bulan Ngelabuhka Benih* dan *Pelandai Bulan Mantun* yang menyarankan

Nelson Tandang Edwin Unting, Ling Snelus Angking,
Ngalai Belawing & James Valley Michael Harry

agar diusahakan kerja sampingan ketika musim mengerjakan sawah. Penyair juga turut menyelitkan gesaan agar sentiasa bekerjasama dalam apa juga aktiviti tanpa mengira usia dan jantina. Turut disentuh adalah isu berkaitan menjaga keselamatan ketika bekerja yang penyair terapkan dalam semua *Pelandai Bulan*. Isu berkaitan masalah berhutang turut diselitkan dalam *Pelandai Bulan Kelelang*. Penyair mengingatkan masyarakat Iban agar bijak berbelanja dan jangan berhutang di luar kemampuan.

PERBINCANGAN

Pelandai Bulan masih relevan dan signifikan sebagai panduan ritual dan peringatan kepada masyarakat Iban dalam mengerjakan huma. Ia bertindak sebagai kalendar mengingatkan masyarakat Iban agar jangan leka dan mesti mematuhi musim berhuma demi mendapatkan pulangan atau hasil yang berbaloi dengan usaha yang dilakukan sebagai petani. Di samping itu, *Pelandai Bulan* memberi pilihan hiburan kepada masyarakat Iban. Ini merupakan tambahan kepada puisi lisan tradisional yang sedia ada dalam persada sastra masyarakat Iban.

Tema-tema ini mewarnai kesemua dua belas buah *Pelandai Bulan* yang berkaitan dengan aktiviti berhuma dalam kalangan masyarakat Iban. Aktiviti penanaman padi diceritakan secara berfasa dalam setiap *Pelandai Bulan*. Ini dapat dibuktikan dengan *Pelandai Bulan Satu* atau *Bulan Manggul* yang menceritakan perihal pemilihan tapak huma. Fasa-fasa perhumaan ini terus diceritakan dalam setiap *Pelandai Bulan* hinggalah sampai pada *Pelandai Bulan Kedua Belas* atau *Bulan Kelelang* yang menceritakan aktiviti keraian selepas tamat musim menuai padi. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa tema keseluruhan *Pelandai Bulan* adalah tentang aktiviti penanaman padi dalam kalangan masyarakat Iban.

KESIMPULAN

Pemikiran pencipta *Pelandai Bulan* terserlah melalui mesej dan amanat hasil pemerhatian tentang masyarakat dan persekitaran yang melingkungi mereka pada masa itu. Luahan rasa beliau disampaikan dengan nada yang telus menggunakan bahasa yang mudah difahami tetapi penuh dengan elemen diksi dan bait yang puitis. Kelihatannya, *pelandai bulan* adalah cetusan pemikiran Duning melihat situasi yang terjadi dalam masyarakat Iban pada waktu itu. Ini menunjukkan pandangan beliau mendahului zaman apabila berjaya melihat kepentingan pendidikan, peranan wanita dalam pembangunan, perpaduan dan kerjasama antara masyarakat Iban dan pembangunan ekonomi masyarakat Iban. Semua fungsi ini terselit di dalam isi dan mesej *Pelandai Bulan* dari pemilihan tapak huma hingga ke waktu santai selepas tamat musim menuai.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. (2013). *The Iban Language of Sarawak: A Grammatical Description*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Jaafar. (2011). *Kesusasteraan Melayu*. Selangor Darul Ehsan: Open University Malaysia.
- Waluyo, H. J. (2003). *Apresiasi Puisi: Untuk Pelajar dan Mahasiswa*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama. OUM Digital Library. library.oum.edu.my/oumlib/faq/389.
- Osup, C. (2006). *Leka Main: Puisi Rakyat Iban-Satu Analisis Tentang Bentuk dan Fungsi*. Tesis PhD. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II: Siri Pendidikan Guru*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Temu bual dengan Bagat anak Nunui*, Tuai Rumah Nanga Ulai, Rimbas Debak, Sarawak pada 2 Jun 2015



ISSN 1511 - 9033



9 771551 903005